

- 
- The background of the entire page is a photograph of three individuals in black legal robes. In the center is a man with short dark hair and a goatee, wearing a white collar. To his left is a woman wearing a purple hijab and glasses. To his right is a woman wearing a white hijab. They are all looking directly at the camera. Behind them is a large, out-of-focus image of a wooden gavel.
- The International Conference on Informatics and Applications 2012
 - FUHA UniSZA – Institusi Tunggal Menawarkan Program Undang-Undang di Pantai Timur
 - Dr. Ahmad Azrin Adnan – Pemenang Anugerah Tesis Terbaik Yayasan Nurul Yaqeen 2011
 - Hari Inovasi 2012
 - Johan Keseluruhan Wanita dalam Kejohanan Wajadiri Nasional 2012

Pengurusan Tertinggi

YBhg. Dato' Profesor Dr. Alias Daud
Naib Canselor

Profesor Dr. Amran Ahmed
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar
Pendaftar

Baharin Salim @ Abdullah
Bendahari

Sidang Pengarang

Hajah Azizah Endut
Pusat Penerbitan

Cornelius Anuar Abdullah Mc Afee
Pusat Penerbitan

Prof. Madya Dr. Nashriyah Mat
Fakulti Pertanian dan Bioteknologi

Mohamad Hafis Amat Simin
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

Hafiah Yusof
Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Nashirah Hussin
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Nurhana Ghazali
Unit Komunikasi Korporat

Kaswadi Yusoff
Jurufoto
Unit Komunikasi Korporat

Zurina Mansor
Setiausaha
Pusat Penerbitan

Sumber dan Penyumbang Bahan

1. Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
2. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
3. Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan
4. Fakulti Pertanian dan Bioteknologi
5. Fakulti Informatik
6. Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
7. Fakulti Rekabentuk dan Teknologi Inovatif
8. Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa
9. Jabatan Keselamatan
10. Jabatan Pendaftar
11. Jabatan Perpustakaan
12. Pusat Keusahawanan
13. Pusat Pembangunan Akademik
14. Pusat Sukan
15. Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
16. Pusat Seni dan Warisan
17. Pusat Teknologi Maklumat
18. Pusat Hubungan dan Latihan Industri
19. Pusat Pengurusan Siswazah
20. Pusat Islam
21. Unit Komunikasi Korporat
22. Unit Audit Dalam

Hak Cipta Terpelihara © 2012. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pusat Penerbitan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu, MALAYSIA.

Buletin UniSZA diterbitkan tiga kali setahun, mulai Ogos 2009 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin.

Hak Cipta © 2012

Ketua, Pusat Penerbitan
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
Terengganu, MALAYSIA.

Tel: 09-668 7680 Faks: 09-667 3896

Emel: zurina@unisza.edu.my

Laman web: <http://www.penerbit.unisza.edu.my>

Kandungan

Utama	4
Seminar/Bengkel/Kursus/Mesyuarat	9
Malim Sarjana	24
Fokus Fakulti	26
Tokoh	34
Rencana	36
Pencapaian	45
UniSZA Bersama Masyarakat	51
UniSZA dan Hubungan Antarabangsa	59
Sukan dan Kokurikulum	61

Program Munaqasyah Syariah

Dewasa kini masyarakat dunia termasuklah di Malaysia, sedang berhadapan dengan pelbagai masalah dan fenomena alam yang terhasil dari ketidakprihatinan mereka terhadap penjagaan alam sekitar.


Isu-isu berkaitan alam sekitar seperti pencemaran sungai, penebangan pokok tanpa kawalan, penangkapan ikan tanpa had, pembuangan sisa toksid dan lain-lain isu sering menjadi bahan perbincangan massa. Walaupun terdapat penulisan yang dibuat oleh para ilmuan Islam berkaitan dengan alam sekitar dan penjagaannya, namun peranan mereka dalam mengetengahkan persepsi Islam mengenai penjagaan alam sekitar ini tidaklah begitu menonjol sama ada dalam konteks Malaysia mahupun antarabangsa.



Berdasarkan premis ini, pada 5 April 2012, Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) dengan kerjasama Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) telah menganjurkan program Munaqasyah Syariah bertempat di Bilik Persidangan UniSZA bagi membincangkan isu alam sekitar ini secara ilmiah dan mendalam berdasarkan kerangka metodologi hukum Islam dan seterusnya menonjolkan secara meluas kepada masyarakat umum dalam persepsi Islam mengenai isu tersebut.

Program ini telah dirasmikan oleh Dekan FKI, Profesor Madya Dr. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. Objektif program Munaqasyah al-Syari'ah ini ialah membincangkan isu-isu penjagaan alam sekitar, memberi penjelasan tentang hukum syarak berhubung isu-isu semasa dalam penjagaan alam sekitar, membentuk jaringan kesepakaran dan perkongsian pintar dalam bidang fiqh dan penjagaan alam sekitar serta membangunkan penyelidikan bersama antara FKI dengan penyelidik IKIM dalam bidang berkenaan. Antara tajuk yang dibincangkan dalam program ini ialah *Peranan Islam dalam Menangani Krisis Alam Sekitar* yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah IKIM, Profesor Datin Dr. Azizan Baharuddin, *Cabaran Pemeliharaan Alam Sekitar di Malaysia* disampaikan oleh Puan Zuraini Haji Mohd Sinin dari Jabatan Alam Sekitar Terengganu dan *Fiqh al-Bi'ah: Asas, Hukum dan Matlamat Syarak* disampaikan oleh Dr. Wan Mohd Yusof Wan Chik Pensyarah FKI.

Mudahan-mudahan dengan terlaksananya program ini, usaha mencari jalan penyelesaian dan alternatif terbaik kepada isu dan masalah berkaitan bidang fiqh dan penjagaan alam sekitar agar dapat diharmonikan dengan sebaik mungkin oleh semua.





The International Conference on Informatics and Applications 2012

Fakulti Informatik, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan kerjasama *The Society of Digital Information and Wireless Communications (SDIWC)* telah berjaya menganjurkan *The International Conference on Informatics and Applications 2012 (ICIA 2012)* pada 3-5 Jun 2012 bertempat di UniSZA Kampus Gong Badak. Seminar ini bertemakan *Transforming the Society through Creative and Innovative Informatics*.

Seramai 47 orang peserta telah membentangkan kertas kerja mereka di seminar tersebut mewakili negara Malaysia, Arab Saudi, Bostwana, Qatar, Jordan, Amerika Syarikat, India, Kuwait, Jepun, Korea, Mesir, Taiwan, Palestin, Vietnam dan Poland.

Hari pertama seminar dimulakan dengan pembentangan ucapatama yang bertajuk *Cyber Forensics Education and Training: Issues and Challenge* oleh Profesor Dr. Azizah Abd Manaf dari Malaysia. Manakala ucapatama pada hari kedua dibentangkan oleh Profesor Dr. Eyas al-Qawasmeh dari Arab Saudi dengan tajuk *Are We Secure Enough*.

Hasil daripada analisis penilaian oleh para peserta menunjukkan seminar antarabangsa ini dapat memenuhi objektif serta memberi input yang sangat berguna kepada peserta di samping dapat memupuk jalinan kerja yang baik antara peserta dari pelbagai negara.

Pihak SDIWC sangat berpuas hati dengan penganjuran ICIA 2012 dan telah menawarkan untuk bekerjasama dengan UniSZA dalam penganjuran seminar dan program-program antarabangsa yang lain pada masa akan datang.



Seminar dan Pameran Reka Bentuk T-REKA 2012

Pusat Reka Bentuk dan Multimedia, Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT) UniSA dengan kerjasama Majlis Reka Bentuk Malaysia (MRM) dan Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPU) telah mengadakan Seminar dan Pameran Reka Bentuk T-REKA 2012 pada 8-10 Julai 2012 bertempat di Dewan Konvensyen Pusat Dagangan Terengganu (TTC).

Program yang bertemakan *Memacu Industri Reka Bentuk dan Teknologi Pembuatan Negara* itu telah dirasmikan oleh YB Dato' Haji Mohamed Awang Tera, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Usahawan dan Koperasi Negeri Terengganu mewakili Y.A.B. Menteri Besar Terengganu pada 8 Julai 2012.

Objektif program ini diadakan ialah untuk menonjolkan reka bentuk kepada sektor industri, usahawan tempatan dan para pelajar. Di samping itu juga ia bertujuan untuk memperkenalkan dan meningkatkan kesedaran umum tentang peranan reka bentuk dan teknologi dalam pembangunan negara melalui rangkaian kerjasama di antara institusi awam dan swasta. Selain itu, program ini



juga dapat mengenengahkan pembabitan UniSA dalam sektor pembuatan dan seterusnya menjadikan FRIT UniSA sebagai Pusat Rujukan Reka Bentuk dan Teknologi yang kreatif dan inovatif di wilayah Pantai Timur.

Pada majlis ini juga diadakan upacara menandatangani perjanjian (MoU) antara UniSA dengan Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu dan juga di antara UniSA dan Mesiniaga Berhad bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan di antara UniSA dan industri.

Seminar Pemakanan dan Dietetik 2012

Seramai 200 orang peserta telah menyertai Seminar Pemakanan dan Dietetik yang dianjurkan oleh Jabatan Sains Kesihatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UniSA.

Seminar yang diadakan pada 27 Mei 2012 di Auditorium Perpustakaan, UniSA Kampus Gong Badak tersebut telah disertai oleh 100 orang pelajar FPSK, 50 orang pelajar dari Fakulti Pemakanan Universiti Malaysia Terengganu (UMT), 20 orang pegawai dan wakil dari jabatan-jabatan kerajaan dan selebihnya adalah kakitangan FPSK.

Seminar ini telah dikendalikan oleh profesor jemputan khas dari Singapura iaitu Profesor Dr. Christiani Jeya Henry dari Singapore Institute for Clinical Sciences.

Tujuan seminar ini diadakan adalah untuk memberi maklumat terkini dalam bidang pemakanan seperti sains makanan, teknologi

makanan dan dietetik. Selain itu, ia juga dapat memberi peluang kepada peserta seminar untuk bertukar-tukar pendapat dan berinteraksi dengan ahli sains bertaraf antarabangsa. Seminar ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa UniSA, Profesor Dr. Amran Ahmed.



Syarahan Perdana FUHA 2012

Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) telah mengadakan Syarahan Perdana FUHA 2012 pada 27 Mei 2012 bertempat di Dewan Auditorium Bangunan Akademik UniSZA, Kampus Gong Badak. Syarahan tersebut telah disampaikan oleh Profesor Adjung FUHA yang juga mantan Ketua Hakim Negara, Tun Dato' Seri Zaki Tun Azmi yang bertajuk *The Challenges Faced by Malaysian Judiciary in Recent Years*.



Program syarahan ini telah dihadiri oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Dato' Zolkipli Abdul dan Naib Canselor UniSZA Dato' Profesor Dr. Alias Daud. Selain itu, syarahan ini turut dihadiri oleh wakil-wakil dari badan-badan kehakiman, Polis DiRaja Malaysia, Jawatankuasa Peguam Negeri Terengganu, jabatan-jabatan kerajaan dan semua pelajar Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian.

Syarahan Perdana FUHA 2012 yang diadakan ini adalah untuk memperjelas kefahaman mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Badan Kehakiman Negara dalam menangani isu-isu perundangan. Syarahan ini juga memberi pendedahan tentang isu-isu semasa yang dilihat dari perspektif undang-undang kepada para pelajar khususnya dan masyarakat secara amnya.

Majlis itu juga menyaksikan penyerahan cek sumbangan daripada

Yayasan Tun Azmi kepada FUHA yang telah disempurnakan oleh Tun Dato' Seri Zaki Tun Azmi Profesor Adjung FUHA kepada YDato' Zolkipli Abdul selaku Pengerusi LPU. Dana sumbangan Yayasan Tun Azmi tersebut akan digunakan bagi tujuan pembangunan pelajar FUHA.

FUHA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program syarahan ini. Diharapkan semoga program syarahan ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak berkenaan mengenai isu-isu perundangan.





Retreat Pengurusan 2012 telah diadakan di Awana Kijal, Kemaman pada 19 - 22 Mei 2012. Ianya telah dihadiri oleh Ahli Pengurusan Universiti, seorang wakil LPU iaitu Profesor Dr. Mohd Afandi Muhamad dan semua Ketua Pusat Tanggungjawab. Program ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor.

Matlamat program adalah untuk membentangkan pencapaian dan perancangan semasa kesemua PTj sehingga tahun 2015. Kemuncak kepada program ialah perbincangan

berkenaan keperluan perjawatan iaitu keperluan waran perjawatan yang berkait dengan pelantikan staf tetap / kontrak / sambilan terutamanya bagi staf akademik serta keperluan pensyarah yang berkepakaran untuk mengendalikan pengajaran.

Selain daripada itu, turut dibangkitkan kemudahan prasarana sedia ada yang melibatkan kekangan ruang bagi menampung pertambahan pelajar termasuklah keperluan bagi pengajaran dan pembelajaran serta pembangunan universiti. Hasil daripada

perbincangan tersebut mendapati bahawa kewangan universiti masih mampu menyelesaikan masalah berbangkit yang diutarakan oleh setiap PTj. Selain itu, perbincangan mengenai agenda CAP's turut diselitkan oleh setiap PTj.

Program selama tiga hari telah mampu meleraikan kekusutan yang dihadapi oleh sebahagian PTj dengan kaedah perbincangan secara telus dan terbuka bersama pihak pengurusan universiti.



Netpreneurs Workshop

with **Irfan Khairi** Siri 6

Program ini telah diadakan pada 19-22 Jun 2012. Program yang bertempat di Merang Suria Resort ini merupakan siri terakhir bersama Irfan Khairi yang dijalankan sebanyak enam siri. Sepanjang program tersebut berlangsung, peserta diberi bimbingan untuk menggunakan laman sosial dengan cara yang betul. Peserta juga diajar cara mengasaskan blog perniagaan dan juga menggunakan *facebook* sebagai medium perniagaan. Antara objektif program ini adalah untuk menambah bilangan usahawan dengan cepat dan menyelesaikan masalah pengangguran dalam kalangan siswazah dengan kos yang efektif. Selain itu, bengkel ini juga bertujuan

untuk melahirkan usahawan internet siswazah yang bakal menjadi perintis usahawan internet kepada bakal-bakal usahawan siswazah pada masa akan datang. Objektif seterusnya adalah untuk mengembangkan perniagaan produk/perkhidmatan bumiputera ke pasaran global secara sistematik dan berkesan di samping mempelajari selok-belok bidang perniagaan yang diceburi daripada syarikat mentor. Bengkel ini juga membuka peluang kepada usahawan internet siswazah untuk mendapat bimbingan, tunjuk ajar dan sokongan secara berterusan dari pensyarah ke arah menyediakan mereka menjadi usahawan yang berjaya serta berdaya saing.



Bengkel **Active Learning, Cooperative Learning & Problem Based Learning**

UniSZA 2012

Pusat Pembangunan Akademik (CAD), UniSZA telah menganjurkan gabungan tiga bengkel iaitu *Active Learning*, *Cooperative Learning* dan *Problem Based Learning* UniSZA pada 23 - 25 Jun 2012 di Rumbia Villa Resort, Paka, Terengganu.

Bengkel ini telah dihadiri oleh 37 orang peserta dari kesemua fakulti dan dirasmikan oleh Ketua CAD, Encik Abd. Rahim Ramli. Panel fasilitator dijemput khas dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) iaitu Profesor

Madya Dr. Berhanuddin Mohd Salleh yang mempunyai kepakaran dalam bidang *Problem Based Learning* dan beliau pernah merangkul anugerah pingat emas dan perak dalam bidang tersebut.

Bengkel yang diadakan khusus untuk para pelajar ini mempunyai tiga objektif utama. Pertama, bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang proses perencanaan pemecahan masalah; kedua, ianya bertujuan untuk menilai

bagaimana para pelajar menunjukkan pengetahuan dan ketrampilannya yang dimiliki; dan yang terakhir, bengkel ini turut memberi maklumat tentang proses pengajaran dan pembelajaran aktif yang perlu diterapkan kepada para pelajar bagi memupuk minat dalam kalangan mereka di samping menjadikannya sebagai salah satu strategi untuk mendekati mereka.

Sepanjang bengkel berlangsung, peserta dibahagikan mengikut kumpulan yang terdiri daripada empat dan lima orang peserta. Selain itu juga, mereka diberi tugas luar dan menghuraikan permasalahan yang timbul daripada tugas yang dibuat bagi meningkatkan lagi kefahaman tentang *Problem Based Learning*. Sambutan bagi bengkel ini amat menggalakkan dan akan diteruskan kepada pensyarah-pensyarah yang lain dalam meningkatkan mutu serta kualiti pengajaran dan pembelajaran di UniSZA.



Bengkel Asas Pengurusan Pejabat

Pada 16-17 Mei 2012, Jabatan Pendaftar telah mengadakan Bengkel Asas Pengurusan Pejabat kepada kakitangan UniSZA bertempat di KT Golf Resort. Bengkel ini diwujudkan atas dasar keperluan staf untuk mempunyai kemahiran dan pengetahuan terhadap perkara asas berkaitan pengurusan pejabat. Hal ini kerana penulisan surat, fail dan rekod, penulisan surat rasmi dan memo, penulisan kertas cadangan atau kertas kerja, penulisan laporan dan minit mesyuarat serta pengurusan kewangan jabatan mencerminkan imej sesebuah organisasi.

Sehubungan dengan itu, peningkatan ilmu serta kemahiran perlu disediakan kepada setiap staf supaya mereka dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik. Kursus ini telah memberikan peluang kepada 39 orang staf perkeranian untuk menimba ilmu dan membina kemahiran tersebut dalam urusan pentadbiran. Semoga dengan adanya kursus sebegini akan meningkatkan kemahiran peserta-peserta kursus.



Bengkel Coaching & Mentoring-NLP UniSZA 2012



Pusat Pembangunan Akademik UniSZA telah menganjurkan bengkel Coaching & Mentoring-NPL UniSZA 2012 pada 6-9 Julai bertempat di Ulek Beach Resort, Dungun, Terengganu. Bengkel yang julung kali diadakan ini disertai oleh wakil-wakil dari hampir semua Pusat Tanggungjawab UniSZA.

Bengkel ini diadakan bagi mencapai empat objektif utama. Pertama ialah untuk membantu meningkatkan potensi dan keupayaan para pegawai melalui khidmat bimbingan, sokongan dan bantuan bagi menghadapi krisis dalam pekerjaan di samping pembangunan diri pegawai tersebut. Objektif kedua adalah untuk memberi impak kepada mentor dan mentee dalam aspek pembinaan, pengamalan nilai diri dan pembentukan budaya kerja kelas pertama dalam sesebuah organisasi. Ketiga, untuk memahami bagaimana setiap manusia membentuk kecemerlangan dari informasi yang diproses, manakala objektif terakhir adalah untuk membolehkan pegawai membentuk matlamat unggul dan menunjuk cara bagaimana boleh mendapatkan apa sahaja yang diingini melalui teknik-teknik garis masa dan *logical level* dan menunjuk cara bagaimana boleh menyelesaikan konflik dalaman diri dengan mudah.

Bengkel Dokumentasi Ke Arah Penawaran Program Ijazah Sarjana Muda Hubungan Antarabangsa dan Undang-Undang Antarabangsa dengan Kepujian

Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) telah mengadakan Bengkel Dokumentasi Ke Arah Penawaran Program Ijazah Sarjana Muda Hubungan Antarabangsa dan Undang-Undang Antarabangsa pada 4-6 Jun 2012. Bengkel yang melibatkan Ahli Jawatankuasa Hubungan Antarabangsa dan Ketua Unit Jaminan Kualiti, Puan Ariza Ibrahim diadakan di


Bilik Mesyuarat FUHA. Bengkel ini bertujuan untuk memurnikan semula Dokumen MQA-01 bagi program tersebut. Program ini dijangka akan mula ditawarkan mulai Semester I Sesi 2013 / 2014 dan akan menjadi program kedua di peringkat Ijazah Sarjana Muda bagi FUHA.

Bengkel Matematik dalam Penyelidikan Sains Komputer

Mengetahui selok belok penerbitan e-jurnal yang berkualiti dengan menggunakan kaedah matematik amatlah perlu bagi meningkatkan kualiti artikel yang bakal diterbitkan. Maka dengan itu Fakulti Informatik (FiT), telah mengadakan Bengkel Matematik dalam Penyelidikan Sains Komputer pada 22 April 2012 bertempat di Bilik Mesyuarat FiT.

Profesor Dr. Mustapha Mat Deris, Ketua Penerbit Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) dijemput bagi berkongsi pengalaman beliau dalam bengkel ini. Beliau telah memberikan pendedahan dan panduan kepada peserta mengenai teknik penggunaan teori matematik dalam sains komputer bagi penulisan artikel, jurnal atau pembentangan di seminar.

Penyertaan peserta yang terdiri daripada kakitangan akademik amatlah menggalakkan dan ianya dapat menyuntik budaya menulis artikel saintifik di kalangan pensyarah.



Bengkel Kajian Kepuasan Pengguna Terhadap Perkhidmatan ICT

Pusat Teknologi Maklumat (PTM) telah mengadakan Bengkel Kajian Kepuasan Pengguna Terhadap Perkhidmatan ICT UniSZA pada 10 Julai 2012 bertempat di Gem Beach Resort, Kuala Terengganu bermula jam 9.00 pagi dan berakhir jam 5.00 petang. Bengkel ini dikendalikan oleh Pengarah PTM merangkap ketua Jawatan Kuasa Kajian Kepuasan Pengguna, Profesor Madya Dr. Mohd Nordin Abdul Rahman.

Tujuan penganjuran bengkel ini adalah untuk menyiapkan laporan kajian bagi mengukur tahap kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan ICT di UniSZA. Skop tinjauan yang dijalankan hanya melibatkan semua staf UniSZA manakala skop tinjauan pelajar akan dilaksanakan setelah laporan kepuasan staf disiapkan. Kajian ini telah dijalankan bermula pada bulan Jun 2011. Maklumat dikumpulkan melalui edaran borang soal selidik kepada kesemua Pusat Tanggungjawab di UniSZA. Diharapkan hasil kajian ini akan dapat meningkatkan tahap perkhidmatan teknologi maklumat yang sedia ada dan memperbaiki sebarang kelemahan semasa.



Bengkel **Kesedaran** dan **Kesediaan** Melaksanakan Projek Pusat Sumber Sekolah

Perkhidmatan perpustakaan adalah antara faktor penting dalam membentuk transformasi minda bagi mewujudkan pendidikan yang berdaya maju. Menyedari hakikat ini, Perpustakaan UniSZA mengambil peluang untuk melaksanakan Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) kepada masyarakat dengan mengadakan Projek Pengorganisasian Bahan dan Pengautomasian Pusat Sumber Sekolah bagi sekolah terpilih.

Selari dengan keperluan tersebut, Perpustakaan UniSZA dengan kerjasama Jabatan Pendaftar UniSZA dan Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Terengganu (BTPNT) telah menganjurkan Bengkel Kesedaran dan Kesiediaan Melaksanakan Projek Pusat Sumber Sekolah.

Bengkel ini diadakan di Auditorium Perpustakaan UniSZA, Kampus Gong Badak pada 18 Jun 2012 yang lepas dan telah dirasmikan oleh Pendaftar UniSZA, Profesor Madya Dr. Nik Wan Omar.

Ceramah disampaikan oleh tiga orang Pustakawan UniSZA iaitu Puan Norulhuda Makhtar bertajuk 'Pengenalan Projek USR Pusat Sumber Sekolah' dan Encik Mohd Sabri Muda pula menyampaikan ceramah yang bertajuk 'Pengurusan Pusat Sumber Sekolah' manakala taklimat demo 'Sistem Pusat Sumber Sekolah' disampaikan oleh Puan Rosnorzaini Rusli.

Seramai lebih kurang 85 orang peserta termasuklah tetamu jemputan, Encik Nize Muhammad, Penolong Pengarah, Ketua Unit Pengurusan Sumber Pendidikan serta Pegawai-Pegawai daripada Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Terengganu telah menghadiri bengkel berkenaan.



Bengkel Pembangunan Akademik

Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) telah mengadakan Bengkel Pembangunan Akademik pada 9 Julai 2012 bertempat di Bilik Persidangan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kampus Gong Badak. Bengkel ini telah dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Program Hubungan Antarabangsa, Dr. Mohd Afandi Salleh dan dikendalikan oleh Profesor Pelawat FUHA, Profesor Dr. Rahmat Mohamad.

Bengkel ini diadakan khusus untuk mendapatkan nasihat dan panduan daripada beliau untuk membantu FUHA menyiapkan dokumentasi bagi penubuhan dan penawaran program baru iaitu Program Ijazah Sarjana Muda Hubungan Antarabangsa dan Undang-Undang Antarabangsa dengan Kepujian.

Pihak FUHA telah memohon kepakaran Profesor Pelawat untuk meneliti, menyemak dokumentasi serta berkongsi idea dan maklumat yang diperlukan bagi memantapkan program yang akan ditawarkan ini. Bengkel ini melibatkan Pengurusan FUHA dan semua Ahli Jawatankuasa Program Hubungan Antarabangsa.

Bengkel Pengorganisasian Bahan Media, Sumber Elektronik dan Bahan Bersiri 2012

Pengorganisasian bahan merupakan kemahiran atau kesenian mengorganisasikan ilmu untuk tujuan dapatan kembali bahan. Memandangkan koleksi di perpustakaan sentiasa berkembang dari semasa ke semasa, ianya perlu diurus secara sistematik dan kemahiran ini perlulah sentiasa dimantapkan agar dapat membantu pengguna mengesan bahan dengan mudah dan berkesan. Selari dengan keperluan tersebut, Perpustakaan UniSZA dengan kerjasama Jabatan Pendaftar UniSZA telah menganjurkan Bengkel Pengorganisasian Bahan Media, Sumber Elektronik dan Bahan Terbitan Bersiri bertempat di Auditorium Perpustakaan UniSZA, Kampus Gong Badak.

Bengkel yang bermula pada 14 – 17 Mei 2012 ini telah menjemput penceramah dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM iaitu Puan Hamidah Haji Abdul Rahman. Beliau merupakan Pensyarah Kanan UiTM dan mempunyai kepakaran serta pengalaman yang luas dalam bidang pengorganisasian dan pengelasan bahan perpustakaan.

Bengkel yang dijalankan selama empat hari ini dihadiri oleh Pustakawan dan kakitangan perpustakaan yang terlibat dalam tugas pengorganisasian bahan media, sumber elektronik dan bahan terbitan bersiri.



Antara objektif bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pemahaman dan kemahiran menggunakan aplikasi MARC21 untuk pengkatalogan bahan sumber media, elektronik dan bersiri, mengenal pasti peraturan dan masalah pengkatalogan deskriptif bahan sumber media, elektronik dan bersiri serta memberi pendedahan tentang peralihan AACR2 kepada RDA selain untuk menambah dan memantapkan lagi kecekapan semasa membuat proses pengkatalogan.





Bengkel Perancangan Pelan Strategik Fakulti Informatik 2012-2016

Bengkel Perancangan Pelan Strategik Fakulti Informatik 2012-2016 telah diadakan di Demong Beach Resort, Besut pada 2-5 Mei 2012 dengan penglibatan semua kakitangan akademik FiT.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk membincangkan hala tuju FiT dalam memperkasa pengajaran dan pembelajaran (P&P), meningkatkan bilangan pelajar, menyemarakkan penyelidikan dan pembangunan (R&D), meningkat serta meneguhkan jaringan industri dan masyarakat. Selain itu, objektif, visi dan misi fakulti juga dibincangkan bagi merealisasikan cita-cita dan hasrat negara untuk melahirkan modal insan kelas pertama.

Profesor Dr. Md Yazid Mohd Samandari UMT bertindak sebagai fasilitator bengkel, memberi ceramah motivasi, tazkirah dan juga ceramah berkaitan pelaksanaan Perancangan Strategik.

Workshop on Assessment of Learning Objectives

Pada 20 Mei 2012, satu program iaitu 'Workshop on Assessment of Learning Objectives' melibatkan staf akademik di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) telah diadakan. Program ini merupakan antara program CME yang telah dirancang oleh Unit Pendidikan Perubatan, FPSK.

Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada staf akademik mengenai penilaian objektif pembelajaran, membiasakan dengan penilaian yang pelbagai bentuk dan meningkatkan kebolehan staf akademik dalam menggubal soalan-soalan peperiksaan. Program ini telah dikendalikan oleh Dr Ahmad Fuad Abdul Rahim, iaitu pensyarah dari Jabatan Perubatan Pendidikan, Pusat Pengajian Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia, Kampus Kesihatan.

Bengkel 'Quality Assurance Review' (QAR) dan Mesyuarat Bersama Ketua-Ketua Audit dalam IPTA kali ke -27 (Bil. 2/2012)

UAD telah menghantar dua orang staf iaitu Tuan Rosli Tuan Embong, dan Encik Abdul Hadi Nayan menghadiri Bengkel 'Quality Assurance Review' (QAR) yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Latihan Unit Audit dalam IPTA Malaysia di Hotel Quality, Kuala Lumpur pada 2 dan 3 Julai 2012. Ceramah-ceramah berkaitan Quality Assurance dikendalikan oleh Puan Nur Hayati Baharuddin, Pengarah Teknikal, Institute of Internal Auditors Malaysia dan Puan Sivamalar Thuraisingam, Pengurus Teknikal, The Institute of Internal Auditors Malaysia. Seterusnya pada 4 dan 5 Julai 2012, Mesyuarat Bersama Ketua-ketua Audit IPTA kali ke-27 (Bil.2/2012) telah dilangsungkan di tempat yang sama. Encik Abdul Hadi Nayan telah menghadiri mesyuarat tersebut mewakili Ketua UAD UniSZA.

Bengkel **Persediaan Menghadapi Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang**

Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) telah mengadakan Bengkel Persediaan Menghadapi Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang(LKPUU) untuk tujuan Pengiktirafan Program Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian pada 4, 5, 11, 12, 18, 19 dan 24 Mei 2012. Bengkel ini melibatkan semua pelajar Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian (LL.B) secara amnya.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memantapkan ilmu pengetahuan bagi kursus-kursus yang akan dinilai oleh LKPUU serta memberikan pendedahan kepada pelajar LL.B dan staf akademik FUHA dalam menghadapi penilaian oleh panel-panel LKPUU.

Bengkel persediaan ini telah dibahagikan kepada beberapa slot. Untuk slot pertama yang berlangsung pada 4 dan 5 Mei 2012, program diadakan di Dewan Kuliah Utama UniSZA, Kampus Gong Badak. Taklimat penuh tentang status pengiktirafan program dan proses pengiktirafan telah disampaikan oleh Dekan FUHA, Encik Mohd Fuad Husaini. Taklimat ini bertujuan untuk memastikan semua pelajar memahami status program yang sedang mereka jalani dan juga langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak fakulti dan para pelajar dalam usaha mendapatkan pengiktirafan profesional bagi melayakkan graduan program ini menjadi pengamal undang-undang di Malaysia.



Slot kedua program ini merupakan bengkel intensif kursus-kursus undang-undang yang terpilih. Para fasilitator terdiri daripada pensyarah-pensyarah FUHA. Slot ketiga pula menekankan pendedahan praktikal tentang pengendalian kes sivil dan jenayah. Slot ini dikendalikan oleh fasilitator jemputan yang merupakan pengamal undang-undang yang aktif dari sekitar Kuala Terengganu. Fasilitator jemputan yang terlibat ialah Encik Mohd Saifudin Othman dari firma Wan Abd. Muttalib & Co. dan Encik Mazlan Md Zain dari firma Mohd Yusof Endut & Assoc. yang telah sudi bersama dengan pelajar-pelajar FUHA dalam menjayakan bengkel tersebut.

FUHA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak yang terlibat terutamanya Majlis Peguam Negeri Terengganu yang turut menghulurkan bantuan dan sokongan terhadap FUHA bagi persediaan menghadapi lawatan dari LKPUU.





Bengkel *Surviving Law* 2012

Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) telah mengadakan Bengkel *Surviving Law* untuk pelajar-pelajar tahun satu Diploma Undang-Undang Semester I Sesi 2012 / 2013 pada 1 Julai 2012. Bengkel ini diadakan di Bilik Kuliah AB 03 dan AB 04, Bangunan FUHA.

Bengkel ini bermula dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang dan telah dibahagikan kepada tiga slot berasingan. Slot pertama ialah ceramah motivasi yang telah

disampaikan oleh Cik Lily Suryati Mohd Jamil, manakala untuk slot kedua pula diisi dengan ceramah berkaitan dengan cara-cara menjawab soalan peperiksaan yang disampaikan oleh Cik Ahlaam Yusof. Slot ketiga diisi dengan ceramah bertajuk Mind Mapping yang disampaikan oleh Encik Abdul Majid Hafiz Mohamed. Ketiga-tiga penceramah tersebut adalah pensyarah FUHA.

Tujuan bengkel ini diadakan ialah untuk memberikan pendedahan

kepada pelajar-pelajar terhadap kaedah-kaedah pembelajaran yang berkesan di universiti, khususnya dalam bidang undang-undang. Program ini merupakan penganjuran buat kali kedua oleh FUHA. Pihak fakulti merancang untuk menjadikan program ini sebagai program tetap kepada pelajar tahun satu bagi program diploma dan ijazah sebagai salah satu langkah untuk memberikan pendedahan awal tentang teknik pembelajaran di universiti.

Kursus Kepimpinan Pelajar Antarabangsa

Unit Aktiviti, Latihan dan Kerohanian Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah mengadakan Kursus Kepimpinan Pelajar Antarabangsa di Pusat Latihan Pelajaran MARA, Belukar Bukit pada 21-23 Jun 2012. Program bertemakan 'Be a Leader in 24 Hours' yang julung kali diadakan ini melibatkan peserta dari kalangan pelajar antarabangsa yang sedang menjalankan pengajian mereka di UniSZA. Program ini dikawal selia oleh empat orang fasilitator dari Majlis Perwakilan Pelajar UniSZA yang cukup berpengalaman dalam mengendalikan program berkonsepkan kepimpinan.

Para peserta turut didedahkan dengan aktiviti meredah hutan atau *jungle tracking* yang merupakan pengalaman pertama oleh kebanyakan peserta. Pengalaman bertemu pacat merupakan pengalaman yang paling tidak dapat dilupakan kerana kebanyakan mereka tidak pernah mengenali haiwan tersebut. Mereka turut dibawa untuk menjalani aktiviti *river-crossing* di sekitar Air Terjun Belukar Bukit. Aktiviti turut dimeriahkan lagi dengan BBQ dan malam kebudayaan.



Program ini turut diselitkan dengan dua ceramah bertajuk 'Leadership' yang disampaikan oleh Encik Noor Azizi Borhan, Pensyarah dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi dan Ceramah Tatacara Penyediaan Kertas Kerja oleh pegawai HEPA. Para peserta berpuas hati dengan aktiviti ini dan berharap agar aktiviti sebegini dapat diadakan lagi pada masa akan datang.



Kursus Lab Minda Keusahawanan 2012

Kursus Lab Minda Keusahawanan 2012 telah diadakan pada 17- 19 Mei 2012 bertempat di Hotel Season View, Kuantan. Program yang diadakan selama 3 hari 2 malam ini bertujuan untuk menyerapkan semangat dan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar. Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan diberi sedikit modal pusingan serta dikehendaki untuk berniaga sebarang produk mengikut kreativiti masing-masing. Selepas aktiviti berniaga selesai, mereka diberikan masa untuk menyediakan bahan-bahan untuk sesi pembentangan projek. Untuk sesi pembentangan, kumpulan terbaik dan peserta terbaik turut dipilih sebagai menghargai usaha-usaha yang telah mereka lakukan sepanjang program ini. Setiap kumpulan dibimbing oleh fasilitator masing-masing yang juga merupakan pelajar tahun akhir UniSZA yang sedang menjalani latihan praktikal.



Program Advokasi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja

Program Advokasi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja kepada Pencarum PERKESO bertempat di Dewan Auditorium Perpustakaan UniSZA telah dianjurkan oleh Jabatan Pendaftar. Program ini telah berjaya menarik minat 100 orang staf pelbagai jawatan dari semua pusat tanggungjawab UniSZA. Program ini juga turut melibatkan PERKESO, Polis Di Raja Malaysia dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya. Pameran dan demonstrasi daripada agensi terlibat turut diadakan bagi memberikan kesedaran dan maklumat kepada peserta-peserta program. Program ini diserikan dengan aktiviti cabutan bertuah yang menyediakan pelbagai hadiah kepada peserta-peserta berupa barangan keselamatan seperti topi keledar dan jaket keselamatan. Semoga program ini berupaya memberi kesedaran kepada peserta untuk mempraktikkan segala ilmu dan maklumat yang diperolehi berkait dengan hak-hak pekerja sekiranya berlaku sesuatu kemalangan di tempat kerja.



Kursus Membina Keseronokan Bekerja dan Peningkatan Produktiviti

Kursus Membina Keseronokan Bekerja dan Peningkatan Produktiviti kepada Staf Kumpulan Sokongan III telah diadakan pada 19-21 April 2012. Kursus ini dikendalikan oleh HPI Consultants bertempat di Bukit Kluang Beach Resort, Besut, Terengganu. Kursus ini dilaksanakan dengan tujuan untuk meningkatkan motivasi dalam melaksanakan tugas seharian terutamanya hal-hal berkaitan dengan kerjaya yang sering dikaitkan dengan kebosanan, bebanan dan kesulitan sekiranya tidak mampu disalurkan kepada nilai positif. Fakta berkaitan kajian kesihatan di tempat kerja menunjukkan tekanan di tempat kerja merupakan antara penyebab beberapa jenis penyakit.

Semoga kursus yang dianjurkan ini mampu memberikan kesan yang positif kepada para peserta seterusnya mampu memotivasikan diri secara berterusan dengan melihat kerja sebagai sesuatu yang menyeronokkan. Diharapkan peserta mampu melaksanakan tugas diamanahkan dengan penuh komited dan dedikasi.



Kursus Pengurusan Seni MAKUM 2012



Dalam usaha menggerakkan organisasi seperti kelab dan persatuan, pemimpinnya perlu diberi pendedahan dan latihan yang formal supaya latihan sedemikian dapat memberikan satu impak yang positif kepada diri mereka untuk memimpin sesuatu organisasi ke arah landasan yang betul.

Menyedari hakikat itu, Pusat Budaya dan Seni, Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) telah mengadakan Kursus Pengurusan Seni MAKUM 2012.

Objektif kursus ini diadakan bertujuan untuk membolehkan siswa dan siswi menjadi pemimpin yang berwibawa, mempunyai ketrampilan diri dan berani menahut sebarang cabaran dalam memimpin persatuan atau kelab berasaskan kebudayaan dan kesenian. Kursus ini juga berupaya membuka ruang dan peluang kepada siswa dan siswi menimba pengalaman serta kemahiran pengurusan di samping memahami kaedah pelaksanaan tugas yang diberikan, sekaligus dapat memberi penerapan dan pemahaman terhadap Dasar Kebudayaan Kebangsaan ke arah mewujudkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum di peringkat universiti.

Seramai tiga orang pelajar dari kelab di bawah kendalian Pusat Seni dan Warisan (PSW) UniSA telah mengikuti kursus tersebut yang berlangsung selama tiga hari bermula pada 28-30 Jun 2012 bertempat di Dewan Auditorium, Pusat Kegiatan Pelajar, UUM. Pelajar-pelajar tersebut ialah Fatimah Zaharah Akma Abd. Halim Yap dari Kelab Penyelidikan PSW, Nurul Fatimah Md. Yusof dari Kelab Teater PSW dan Muhammad Arief Hasbollah Amin dari Kelab Koir PSW.

Konvensyen Keselamatan IPTA 2012

Pada 4-6 Julai 2012, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Jabatan Keselamatan UniSZA telah menganjurkan Konvensyen Keselamatan IPTA 2012 bertempat di Nilai Springs Resort Hotel, Putera Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus. Konvensyen ini berlangsung selama tiga hari melibatkan wakil Jabatan Keselamatan dari 18 buah IPTA di Malaysia. Konvensyen ini bertujuan untuk mengetahui kaedah bagi memantapkan pengurusan keselamatan IPTA, mengenalpasti tindakan-tindakan dan langkah-langkah berimpak yang boleh dijadikan landasan serta panduan dalam menghadapi apa jua cabaran atau isu berbangkit di IPTA dan meningkatkan

kefahaman dan pengetahuan mengenai maklumat dan isu-isu semasa yang dihadapi oleh IPTA.

Sepanjang Konvensyen berjalan, lima pembentangan telah disampaikan oleh Pengerusi LPU UniSZA, Dato' Zolkipli Abdul, Timbalan Naib Canselor (HEPA) Universiti Pengurusan Sultan Idris (UPSI) Dato' Paduka Dr. Junaidi Abu Bakar, wakil Polis DiRaja Malaysia ACP Khairul Zaman Mamat, Dekan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam UniSZA (FPKI) Profesor Madya Dr. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi dan Timbalan Rektor (HEP) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Profesor Dr. Nik Ahmad Kamal Nik Mahmud. Di samping itu, pameran juga diadakan oleh Jabatan Bomba

dan Penyelamat Malaysia cawangan Nilai, Negeri Sembilan. Konvensyen ini telah dirasmikan oleh Dato' Profesor Dr. Alias Daud yang mewakili Menteri Pengajian Tinggi. Turut hadir ke majlis perasmian tersebut ialah Dekan HEPA, Dr. Abdul Hakim Abdullah dan wakil – wakil daripada IPTA dan Ketua PTJ UniSZA. Di akhir konvensyen, satu resolusi telah dipersetujui untuk dibawa ke pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Majlis penutup konvensyen telah disempurnakan oleh Pengarah Keselamatan UniSZA iaitu Tuan Rosli Mahadi. Semoga konvensyen seperti dapat diteruskan lagi pada masa hadapan.

Kursus Pengacaraan Majlis

Bertempat di Gem Beach Resort, Jabatan Pendaftar UniSZA telah menganjurkan Kursus Pengacaraan Majlis kepada staf yang mempunyai kemahiran serta berminat untuk menjadi pengacara majlis. Kursus ini diadakan pada 25 – 26 April 2012 dan telah dihadiri oleh seramai 34 orang staf yang mempunyai pelbagai latar belakang jawatan dari pelbagai pusat tanggungjawab (PTJ) universiti. Kursus ini telah dikendalikan oleh Positive Minds Training & Consultancy yang berpusat di Kuala Lumpur.

Keperluan pengacara majlis terutamanya di setiap PTJ perlu bagi mengendalikan majlis-majlis atau program anjuran PTJ masing-masing. Sehubungan dengan itu, latihan serta kemahiran perlu diberikan kepada calon-calon supaya mereka mampu mengelola sesuatu acara dengan baik. Pengacara majlis yang profesional akan menjamin nama baik UniSZA pada pandangan masyarakat luar. Selaras dengan tujuan tersebut, kursus ini sekurang-kurangnya akan mampu meningkatkan prestasi dan kemahiran sedia ada serta mewujudkan barisan pelapis pengacaraan majlis yang berkemahiran dan berkualiti.

Program 'Research Workshop: Moving Forward'

Pada 8 Julai 2012, Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan (FPPP) telah menjemput Profesor Dr. Aizzat Hj. Mohd. Nasurdin dari Universiti Sains Malaysia (USM) untuk menjayakan Program 'Research Workshop: Moving Forward'. Program ini mencakupi empat siri pembentangan kertas kerja berkaitan penyelidikan iaitu 'How to Become a Successful Researcher?', 'Grant Application: A Guide, Publish or Perish: A Reality in Academia' dan 'An Exposure to Journal Manuscript Writing'.

Pelaksanaan program ini bertujuan berkongsi pengalaman dalam melaksanakan penyelidikan agar iklim dan persekitaran penyelidikan yang kondusif dapat dibentuk. Selain itu, ia juga untuk memberikan pendedahan kepada para peserta mengenai kemahiran penulisan makalah untuk jurnal berimpak tinggi, di samping memperkasa dan membudayakan penyelidikan yang kreatif dan berinovasi.

Program ini disertai oleh ahli-ahli akademik Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan dan juga para peserta dari fakulti-fakulti lain di UniSZA. Keempat-empat siri pembentangan kertas kerja dan perkongsian ilmu tentang penyelidikan daripada penceramah ini telah banyak memberi input yang bermanfaat kepada para peserta. Diharap sesi perkongsian ilmu seumpama ini dapat dimanfaatkan oleh semua warga FPPP dan majlis ilmu seperti ini dapat sentiasa diadakan secara berterusan.



Program Pemantapan Kendiri

Dalam melahirkan pelajar cemerlang, kualiti sendiri turut diambil kira sebagai penyumbang penting dalam membentuk para pelajar ke arah matlamat kecemerlangan. Program Pemantapan Kendiri dianggap sebagai salah satu jambatan dalam memantapkan sendiri para pelajar. Para pelajar didedahkan dengan pelbagai maklumat yang melibatkan pengenalanpastian sendiri unggul dan kemahiran sendiri yang tidak diserlahkan secara sepenuhnya dalam mencapai matlamat kecemerlangan.

Oleh sebab itu, pada 17 Jun 2012, Unit Kaunseling Bahagian Undang-undang Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEPA) dan Pusat Seni & Warisan (PSW) Universiti Sultan Zainal Abidin telah mengadakan Program Pemantapan Kendiri bertempat di Panggung Panca Delima, PSW.

Objektif program adalah untuk membantu para pelajar dalam pemantapan sendiri ke arah bergelar graduan cemerlang, mengenal pasti kecenderungan dan kemahiran diri terhadap sesuatu perkara atau aktiviti yang diminati, membantu pelajar dalam penerapan motivasi di dalam diri dan mengenal pasti bakat serta potensi diri yang ada untuk beradaptasi dengan persekitaran. Program yang berlangsung dari jam 8.30 pagi dan berakhir jam 5.00 petang ini berjaya menarik penglibatan 45 orang pelajar dari pelbagai fakulti.

Hasil dari program tersebut, para pelajar mampu mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari dalam kehidupan seharian, mengetahui potensi diri, lebih bermotivasi dan dapat meningkatkan kesedaran sendiri.



Program Literasi Maklumat FKI

Program Literasi Maklumat untuk pelajar baru telah diadakan pada 5 Julai 2012 bertempat di Auditorium Perpustakaan UniSZA, Kampus Gong Badak. Peserta yang terlibat adalah pelajar daripada Program Diploma Pengajian Islam (Teknologi Maklumat). Program ini telah memberi penumpuan kepada aspek-aspek pencarian menggunakan OPAC dan WebOPAC serta kemahiran maklumat melalui internet. Para peserta juga mempelajari penggunaan pangkalan data atas talian, jurnal elektronik dan buku elektronik.



Perpustakaan UniSZA

Anjur **Ceramah Kesedaran 5S**



Pada 26 April 2012 yang lepas, telah diadakan Ceramah Kesedaran 5S yang bertempat di Auditorium Perpustakaan UniSZA, Kampus Gong Badak. Ceramah tersebut disampaikan oleh dua orang Pustakawan iaitu Puan Norulhuda Makhtar yang bertajuk 'Konsep amalan 5S' dan Cik Marlina Jaafar bertajuk 'Pelaksanaan 5S'. Seramai lebih kurang 50 orang staf Perpustakaan telah menghadiri ceramah berkenaan.



Tujuan ceramah ini diadakan adalah untuk memastikan pengurusan dan staf di Jabatan Perpustakaan memahami falsafah, konsep, faedah dan kaedah pelaksanaan Amalan 5S. Melalui ceramah ini diharapkan pengurusan dan staf Perpustakaan dapat memahami dan menghayati amalan 5S agar ianya dapat dilaksanakan secara teratur dan sistematik. Sebarang ketidakfahaman dan kemusykilan berkenaan pelaksanaan amalan 5S juga diharapkan dapat diselesaikan melalui taklimat ini.

Taklimat Perundangan oleh SEARCCT

Pada 15 Mei 2012 Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) telah menganjurkan satu taklimat yang bertajuk *International Terrorism: Myth or Reality* di Dewan Auditorium, Bangunan Akademik UniSZA Kampus Gong Badak. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh wakil-wakil dari Southeast Asia Regional Centre for Counter-Terrorism (SEARCCT) di bawah naungan Kementerian Hal Luar Wisma Putra iaitu Mr. Thomas Koruth Samuel dan Mr. Kennimrod Sariburaja.

Taklimat ini merupakan salah satu agenda dalam siri *road-tour* oleh SEARCCT di semua IPTA dan IPTS di Malaysia. Taklimat ini juga dihadiri oleh semua pensyarah dan pelajar-pelajar FUHA. Taklimat tersebut membincangkan mengenai keganasan antarabangsa yang semakin berleluasa di seluruh dunia. Ia juga mempersoalkan sama ada keganasan antarabangsa ini mitos ataupun realiti. Sesi taklimat ini diakhiri dengan perbincangan dan soal jawab oleh para pelajar FUHA.

The **Current Issues** in **International Law**

Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) telah menganjurkan Syarahan Akademik pada 8 Julai 2012 di Auditorium Perpustakaan, UniSZA Kampus Gong Badak. Syarahan yang bertajuk *The Current Issues in International Law* telah disampaikan oleh Profesor Pelawat FUHA, Profesor Dr. Rahmat Mohamad.

Syarahan ini diadakan untuk memberi maklumat tentang perkembangan isu dan permasalahan berkaitan undang-undang antarabangsa. Selain itu ia memberi kesedaran tentang kepentingan undang-undang antarabangsa dalam pengurusan politik dunia. Program syarahan ini telah dihadiri oleh kakitangan UniSZA, kakitangan dan pelajar FUHA.

Pada program itu juga, satu majlis penyampaian Sijil Perkhidmatan Cemerlang (SPC) dan Sijil Sifar Cuti Sakit telah diadakan kepada kakitangan FUHA dan disampaikan oleh Dekan FUHA, Mohd Fuad Husaini. Seramai 19 orang kakitangan FUHA mendapat SPC dan tujuh orang mendapat Sijil Cuti Sifar Sakit.

Mesyuarat Bersama Pemeriksa Luar FUHA

Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) telah mengadakan mesyuarat bersama dua Pemeriksa Luar FUHA iaitu Profesor Dr. Rohimi Shapiee pada 10 dan 12 Julai 2012; dan Profesor Dr. Nik Ahmad Kamal Nik Mahmod pada 15 dan 16 Julai 2012 bertempat di Bilik Mesyuarat FUHA.

Mesyuarat-mesyuarat tersebut membincangkan mengenai mutu jawapan peperiksaan semester-semester lepas bagi pelajar-pelajar FUHA. Selain melakukan semakan terhadap skrip jawapan, pemeriksa luar turut menyumbang cadangan-cadangan bagi menambahbaik mutu pengajaran dan pembelajaran untuk dimanfaatkan oleh pensyarah FUHA.

Di samping itu, perbincangan turut diadakan untuk memantapkan persediaan FUHA bagi menghadapi lawatan dari Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang (LPKUU) untuk mendapatkan pengiktirafan profesional program Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian.

Mesyuarat Majlis Dekan- dekan Undang-undang IPTA Kali ke-20

Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA), UniSZA telah dipilih menjadi tuan rumah Mesyuarat Majlis Dekan-dekan Undang-undang Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ke-20 yang berlangsung pada hari Ahad, 13 Mei 2012. Mesyuarat tersebut diadakan di Bilik Persidangan, UniSZA Kampus Gong Badak. Tujuan mesyuarat ini adalah untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan pengajian undang-undang di IPTA.

Wakil IPTA yang hadir pada mesyuarat tersebut ialah Profesor Dr. Haji Abdul Samat Musa (USIM), Profesor Dr. Mohd Akram Shair Mohamed (UIAM), Puan Khadijah Mohamed (UUM), Profesor Madya Dr. Johan Shamsuddin Sabaruddin (UM), Profesor Dr. Aishah Bidin (UKM) dan Encik Mohd Fuad Husaini, (UniSZA).

Mesyuarat bersama Profesor Pelawat FUHA



Pada 8 Julai 2012 Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) telah mengadakan mesyuarat bersama Setiausaha Agung Asian-Africa Legal Consultative Organisation (AALCO) merangkap Profesor Pelawat FUHA, Profesor Dr. Rahmat Mohamad. Mesyuarat ini bertemakan *Research Ideas and Collaboration* yang melibatkan pengurusan FUHA dan kakitangan akademik FUHA dan telah berlangsung selama 2 jam di Bilik Mesyuarat FUHA.

Tujuan mesyuarat ini adalah untuk membolehkan FUHA dan (AALCO) sama-sama meneroka peluang untuk meningkatkan kerja-kerja kesarjanaan dan usaha sama antara kedua-dua

pihak. Antara isu yang dibincangkan ialah arah tuju penyelidikan berteraskan isu-isu antarabangsa yang boleh dijalankan oleh pensyarah-pensyarah FUHA. Selain itu, projek usaha sama antara FUHA-AALCO juga melibatkan pertukaran data atau maklumat serta program *internship* melibatkan pelajar dan pensyarah.

Dalam mesyuarat tersebut juga, Profesor Pelawat FUHA menyatakan kesudian pihak beliau untuk menyokong dan membantu FUHA dalam memantapkan kerja-kerja penyelidikan yang bakal dijalankan oleh pihak FUHA pada masa akan datang. Usaha ini diharapkan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.



Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) UniSZA kali ke-17 (Bil. 2/2012)

Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) UniSZA kali ke-17 (Bil. 2/2012) telah diadakan pada 17 Mei 2012 jam 9.30 pagi bertempat di Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur. Mesyuarat yang dihadiri oleh ahli-ahli JKA dan dipengerusikan oleh Tan Sri Profesor Emiretus Dato' Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman, Pengerusi JKA ini turut dihadiri oleh Pendaftar UniSZA, Timbalan Pengarah JPP, Dekan HEPA, Timbalan Bendahari dan Pengarah PKP, Puan Aizam Awang, Ketua Unit Audit dalam bertindak sebagai setiausaha JKA.

Mesyuarat tersebut telah membincang dan meluluskan Laporan Auditan Pengurusan Sewaan Kemudahan Kafe UniSZA dan Laporan Auditan Pengurusan Aset Alih di Pejabat Naib Canselor. Mesyuarat telah ditamatkan pada pukul 11.45 tengahari.



Mesyuarat Tahunan Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Timur



Mesyuarat Tahunan Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Timur bagi tahun 2012 telah diadakan pada hari Selasa, 5 Jun 2012 bertempat di Auditorium Perpustakaan UniSZA, Kampus Gong Badak. Seramai 38 orang ahli telah hadir pada Mesyuarat Tahunan kali ini. Mesyuarat Tahunan PPM Kumpulan Timur kali ini dipengerusikan oleh Puan Engku Razifah Engku Chik, Ketua Pustakawan Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian merangkap Pengerusi PPMT.

Pada majlis tersebut membentangkan kertas Laporan PPMT 2011, Laporan Kewangan 2011 dan perlantikan jawatankuasa baru 2012/2013. Acara seterusnya ialah penyampaian Sijil Penghargaan kepada ahli jawatankuasa PPMT 2009/2011.



The International Conference on Informatics and Applications 2012 (ICIA 2012) was held June 3 – 5, 2012 at Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu with the theme “Transforming Society through Creative and Innovative Informatics”. Computer Security was one of the topics stressed in the conference.

Prof. Dr. Eyas El-Qawasmeh, a visiting professor at King Saud University, Saudi Arabia, addressed information security issues in his keynote address. Recent advances in information and communication technologies including wireless technologies have increased with the use of Internet, laptops, and mobile devices. Although they have eased our lives, they have led to problems like hacking, theft of data and virus attacks. Security breaches are on the rise and this is quite apparent with the invention of various gadgets and spy tools such as cell phone spy, room/telephone spy recorder, pen recorder, sunglasses with built in recorders, computer USB spy, computer spy software, and many others.


Network security covers a variety of computer networks, both public and private, that are used in everyday jobs conducting transactions and communications among businesses, government agencies and individuals. Users choose or are assigned an ID and password or other authenticating information that allows them access to

information and programs within their authority. The speaker stressed the importance of awareness of security violations that threaten us. These sometimes come from individuals around us in the same organization.

Another form of security threat via the internet is phishing. Phishing is an illegal attempt to acquire sensitive information such as bank and credit card details, usernames and passwords by masquerading as a trustworthy web page. The fake pages which lure the victims are as though they are from popular social web sites, auction sites, online payment processors or IT administrators. Phishing is typically carried out by e-mail or instant messaging that contains links to fake websites where users can enter their sensitive information.

The use of social network sites such as Facebook, MySpace, and Twitter also increases risk to our computer systems and data. Three main mechanisms for the threat are possible:

1. Web mail communication, which by-passes enterprise mail filtering,
2. Public comments on blog posts, which are often vulnerable to cross-site scripting (XSS) or blog-phishing attacks,
3. Malicious ‘friends’, whereby those who are accepted as ‘friends’, may change their profiles after




being approved to purposely include malicious code, spurious, offensive, inappropriate or political content.

Social networks are designed to facilitate sharing of personal information. It is assumed that the more data a person discloses the more valuable the person is to the service. Unfortunately, these sites have poor track records for security controls. They don't really encourage users to select strong passwords, and passwords on these sites never expire. Probably this wouldn't be a problem if people only used these passwords for their social lives, on the other hand many of them reuse the same weak passwords or versions of them for all of their accounts, including at work. Attackers have a variety of ways to guess passwords, including:

1. Based on publicly disclosed information.
People often use names of family

members, birthdays, and other personal but easily accessible information in their passwords. Attackers may take what they know about a potential victim and feed it into a program that generates a range of possible passwords.

2. Guessing answers to password-reset questions.
Social network users sometimes reveal information that could be used to reset their passwords on the social network itself, Web mail services such as Yahoo Mail, and even on online banking or software-as-a-service sites. These pages contain information such as mother's maiden name, place of birth, colour of a first car and a few more that attackers can use to reset a victim's password and get control of the person's e-mail account.



3. Create a word list to narrow down keywords mentioned in the profile.
Several tools are freely available on the internet that can collect keywords from a web page and put them into a word list. Once an attacker has this list, the victim's password can be cracked.

Who is responsible for the security of our data, our computer system and the Internet? Is it governments, security companies, the management of our organizations, or individual users?

We now live in a connected world in which industry, government, and consumers share the same communication channels. Securing our resources is an obligation which cannot be ignored or forgotten. It is the responsibility of each individual of every type. In essence, we are all in this together. One person's lack of responsibility not only harms that individual but provides a platform for other innocent users to be attacked.

FUHA UniSZA – Institusi Tunggal Menawarkan Program Undang-undang di Pantai Timur

Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) UniSZA secara rasminya bermula pada awal tahun 2007. Walau bagaimanapun, program-program pengajian di FUHA sebenarnya telah bermula sejak zaman Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA). Program Diploma Undang-Undang mula ditawarkan oleh Sekolah Pengajian Umum KUSZA pada sesi Julai 1991. Program ini kemudiannya diberi pengiktirafan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia pada 1996. Sehingga kini program ini telah berjaya melahirkan 13 generasi graduan.

Pada tahun 2006 satu lagi sejarah tercipta apabila Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah memberi kelulusan kepada Sekolah Pengajian Umum KUSZA bagi menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dengan Kepujian pada sesi Julai tahun yang sama. Pada Semester I Sesi 2012 / 2013 FUHA akan menerima memasuki pelajar generasi ke-7 bagi program ini.

Program Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dengan Kepujian telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia pada 10 Mac 2006. Program ini kemudiannya telah menerima pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia pada 21 Julai 2009. Program ini juga telah mendapat akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada 26 Julai 2010.

Pada 1 Januari 2007, KUSZA telah dijadikan salah satu kampus UniSZA di mana semua program pengajian sedia ada KUSZA, termasuk program Diploma Undang-undang dan program Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dengan Kepujian, diteruskan oleh UniSZA. Pada bulan Mac 2007, FUHA telah ditubuhkan dan diberi tanggungjawab untuk terus menawarkan kedua-dua program tersebut.

Bermula Semester I Sesi 2010 / 2011, FUHA menawarkan program Sarjana Undang-Undang (LLM). Selanjutnya bermula Semester I Sesi 2011 / 2012, FUHA turut menawarkan program Sarjana dalam bidang Hubungan Antarabangsa dan Undang-Undang Antarabangsa. Selain daripada program-program tersebut, FUHA juga sedang merancang untuk menawarkan program-program pengajian baru di peringkat prasiswazah dalam bidang undang-undang dan hubungan antarabangsa pada masa akan datang.



Visi

Menjadi sebuah fakulti yang terbilang di persada negara dan antarabangsa dalam bidang undang-undang dan hubungan antarabangsa berteraskan pengajaran, penyelidikan dan penyelesaian isu-isu perundangan secara efektif.

Misi

1. Untuk memantapkan program undang-undang dan hubungan antarabangsa UniSZA sehingga ke peringkat antarabangsa;
2. Untuk memenuhi hasrat UniSZA bagi membentuk dan melahirkan mahasiswa dan pemimpin yang berbakat, berilmu, berbudaya tinggi dan berakhlak luhur; dan
3. Untuk menjadi pemangkin ke arah perkembangan dan pembaharuan undang-undang dan hubungan antarabangsa di Malaysia.

Objektif

1. Memperkenalkan dan memperkasakan fakulti sehingga ke peringkat antarabangsa.
2. Memastikan staf akademik berwibawa dan berkelayakan dalam pengajaran, penyelidikan, penulisan, penerbitan dan perundangan.
3. Menghasilkan graduan separa profesional dan profesional dalam bidang masing-masing yang dapat memenuhi keperluan industri sama ada di sector awam atau swasta.
4. Melahirkan graduan yang berketrampilan, beretika, berpengetahuan dan mahir dalam bidang undang-undang dan hubungan antarabangsa dari segi asas, teori, amalan dan perkembangannya dari semasa ke semasa.

Piagam Pelanggan

Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa akan memberi perkhidmatan yang berkualiti, berkesan, mesra dan profesional bagi memenuhi keperluan pelanggan dalam urusan:

Pengajaran dan Pembelajaran

1. Memastikan tenaga pengajar mempunyai kelayakan dalam bidang yang ditawarkan.
2. Memastikan pelajar dimaklumkan tentang proforma kursus dan maklumat semasa kursus dalam kuliah pertama dan minggu pertama pengajaran.
3. Memastikan keputusan ujian dimaklumkan oleh pensyarah kepada pelajar selewat-lewatnya tiga minggu selepas ujian diadakan.
4. Memastikan keputusan penilaian berterusan (pre-final) dimaklumkan oleh pensyarah kepada pelajar selewat-lewatnya seminggu sebelum tarikh Peperiksaan Akhir.
5. Memastikan penasihat akademik bersedia memberi bimbingan dan nasihat kepada pelajar apabila diperlukan.



Perkhidmatan Sokongan

1. Memberi perkhidmatan yang cekap dan terbaik berdasarkan sumber yang ada.
2. Menyediakan kemudahan infrastruktur dan persekitaran yang kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran.
3. Memberikan perkhidmatan kaunter yang mesra pelanggan.
4. Memastikan aduan diberi maklum balas dalam tempoh tujuh hari bekerja selepas aduan diterima.

Program yang Ditawarkan

Ketika ini, FUHA sedang menawarkan dua program pengajian untuk Prasiswazah iaitu Diploma Undang-Undang dan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian. Jumlah pelajar FUHA untuk tahun 2012 bagi program Diploma Undang-Undang ialah 184 orang manakala bagi program Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian ialah seramai 147 orang.

Warga Akademik FUHA

Dari aspek pengurusan sumber manusia, FUHA kini mempunyai seramai 24 orang staf akademik termasuk tujuh orang yang sedang cuti belajar di dalam dan luar negara. FUHA turut disokong oleh dua orang Profesor Adjung iaitu Dato' Bentara Istana Tan Sri Nik Hashim Nik Ab. Rahman yang merupakan mantan Hakim Mahkamah Persekutuan dan Tun Dato' Seri Zaki Tun Azmi yang juga merupakan mantan Ketua Hakim Negara.

Manakala Profesor Pelawat FUHA pula ialah Profesor Dr. Rahmat Mohamad yang merupakan Setiausaha Agung *Asian-Africa Legal Consultative Organisation* (AALCO). Selain daripada itu, bagi memperkasa program-program yang ditawarkan oleh FUHA, satu Jawatankuasa Penasihat Fakulti juga telah ditubuhkan. Ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Fakulti terdiri daripada kedua-dua Profesor Adjung fakulti dan juga Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu iaitu Dato' Mohd Yazid Mustafa.

Di samping itu, FUHA juga turut disokong dengan pelantikan dua profesor undang-undang yang berperanan sebagai Pemeriksa Luar bagi kedua-dua program diploma dan ijazah. Mereka terdiri daripada Profesor Dr. Rohimi Shapiee daripada Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar) iaitu Profesor Dr. Nik Ahmad Kamal Nik Mahmud daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).



Aktiviti yang Dianjurkan oleh Fuha

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Tempat
1.	Taklimat <i>International Terrorism: Myth or Reality</i>	15 Mei	Dewan Auditorium Bangunan Akademik UniSZA Kampus Gong Badak
2.	Syarahan Perdana FUHA 2012	27 Mei	Dewan Auditorium Bangunan Akademik UniSZA Kampus Gong Badak
3.	Taklimat oleh Wakil Nottingham Trent University kepada Pelajar LLB FUHA	27 Mei	Dewan Auditorium Bangunan Akademik UniSZA Kampus Gong Badak
4.	Bengkel Persediaan Menghadapi LPKUU untuk Tujuan Pengiktirafan Program Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian	4 – 24 Mei	Dewan Kuliah Utama UniSZA Kampus Gong Badak dan AB03 & AB04
5.	Bengkel Dokumentasi ke Arah Penawaran Program Ijazah Sarjana Muda Hubungan Antarabangsa dan Undang-Undang Antarabangsa dengan Kepujian	4 – 6 Jun	Bilik Mesyuarat FUHA
6.	Program Minggu Mesra Siswa Sesi 2012/13 (Program Diploma) Bersama FUHA	8 – 9 Jun	Perkarangan Bangunan FUHA
7.	Bengkel Surviving Law bagi Pelajar-pelajar Tahun 1 Diploma Undang-Undang Semester I Sesi 2012 / 2013	1 Julai	Bilik Kuliah AB 03 & 04
8.	Syarahan Akademik oleh Profesor Pelawat FUHA	8 Julai	Auditorium Perpustakaan UniSZA Kampus Gong Badak
9.	Briefing on the Development of Legal Education and Entry Into Legal Profession in United Kingdom	8 Julai	Auditorium Perpustakaan UniSZA Kampus Gong Badak
10.	Briefing on the Development of Legal Education and Entry Into Legal Profession in United Kingdom	8 Julai	Auditorium Perpustakaan UniSZA Kampus Gong Badak
11.	Bengkel Pembangunan Akademik	9 Julai	Bilik Persidangan UniSZA Kampus Gong Badak
12.	Mesyuarat Bertemakan 'Research Ideas & Collaboration' Bersama Profesor Pelawat FUHA	8 Julai	FUHA
13.	Mesyuarat Pembukaan Bersama Pemeriksa Luar FUHA, Profesor Dr. Rohimi Shapiee	10 Julai	FUHA

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Tempat
14.	Mesyuarat Penutup Bersama Pemeriksa Luar Profesor Dr. Rohimi Shapiee	12 Julai	Bilik Mesyuarat FBK
15.	Mesyuarat Pembukaan Bersama Pemeriksa Luar FUHA, Profesor Dr. Nik Ahmad Kamal Nik Mahmud	15 Julai	FUHA
16.	Mesyuarat Penutup Bersama Pemeriksa Luar FUHA, Profesor Dr. Nik Ahmad Kamal Nik Mahmud	16 Julai	FUHA

Pencapaian FUHA

Bil.	Acara	Pencapaian (Tahun: Kedudukan)
1.	IHL International Moots Competition	2008: 8/8 2009: 5/8 2010: 5/8
2.	Philip C Jessup International Moots Competiton	2008: 8/8 2009: 6/8 2010: 8/8
3.	Syariah Mut Competition	2010: 2/14
4.	Debat Bahasa Melayu: Piala Ketua Hakim Negara	2010: 4/6 2011: 4/6
5.	Tan Sri Harun M Hashim National Client Consultation Competition	2009: 8/8 2010: 4/7 2011: 5/7 2012: Juara
6.	Dr. HM Harish International Moot Court Competition (Mumbai, India)	2011: 9/27 (Memorials)
7.	Debat Piala Naib Canselor (English & Bahasa Melayu)	2011: Juara
8.	Asia Cup International Moots Competition (Japan)	2011: 4/10 (Oral Submission) 2011: 2/10 (Memorials)



Terima kasih Encik Fuad kerana sudi ditemuramah. Boleh Encik Fuad ceritakan sedikit latar belakang dan sejarah perkhidmatan di UniSZA daripada pensyarah biasa sehingga dilantik sebagai Dekan FUHA?

Sama-sama. Saya berasa bertuah dan berbesar hati kerana terpilih untuk menghiasi ruangan ini. Terima kasih kerana sudi mewawancara saya.

Saya mula berkhidmat sebagai pensyarah di FUHA pada 1 Januari 2009. Pada awal perkhidmatan saya sebagai seorang pensyarah, saya telah dipertanggungjawabkan untuk mengajar dalam kursus 'Equity and Trust' dan 'Law of Association and Company' bagi peringkat diploma dan ijazah. Saya juga mengajar kursus 'Moots' dan kini mengajar kursus 'Professional Practice' bagi pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang memandangkan saya pernah beramal sebagai seorang peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya selama lebih 10 tahun sebelum menukar arus ke bidang akademik.

Dalam masa tiga bulan selepas saya mula berkhidmat, saya telah dilantik sebagai pemangku Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar) dan menjawat jawatan Timbalan Dekan penuh pada 1 Januari 2010. Perlantikan ini merupakan satu penghormatan besar buat saya memandangkan usia perkhidmatan saya di UniSZA masih hijau. Pada 1 Januari 2011 pula, saya telah dilantik untuk mengisi kekosongan jawatan Dekan. Perkara ini merupakan satu kejutan besar bagi diri saya kerana saya tidak pernah membayangkan untuk menjadi tunjang bagi sesuatu institusi akademik. Pada mulanya saya berasa berbelah bahagi untuk menerima tanggungjawab sebesar ini lebih-lebih lagi ketika itu pihak fakulti perlu berhadapan dengan pihak akreditasi MQA. Namun memikirkan masa depan para pelajar yang mendambakan program pengajian yang mereka ikuti diiktiraf

untuk melayakkan mereka menjadi seorang pengamal undang-undang, saya menerima tugas baru yang lebih mencabar ini dengan penuh rasa penghormatan.

Sebagai peneraju FUHA, tentunya tanggungjawab dan amanah yang diberi amat berat. Apakah misi Encik Fuad untuk meningkatkan prestasi fakulti dari semua segi?

Misi yang saya unjurkan buat keberkesanan fakulti adalah berbeza berbanding dengan fakulti-fakulti undang-undang yang lain kerana program-program pengajian di fakulti ini memfokuskan kepada undang-undang komersial, undang-undang antarabangsa dan undang-undang Islam.

Saya ingin memastikan bahawa kebolehan pasaran graduan FUHA adalah setanding dengan graduan universiti-universiti lain. Sebagai langkah awal ke arah pencapaian misi ini, satu kaji selidik telah dijalankan untuk menganalisa keperluan kerjaya dalam bidang undang-undang yang sesuai dengan bidang-bidang pemfokusan fakulti.

Struktur kurikulum perlu memenuhi garis panduan kualiti yang telah ditetapkan oleh MQA. Hal ini adalah untuk memastikan fakulti mematuhi standard amalan semasa terbaik semaksima yang mungkin. Hubungan kerja yang baik dengan fakulti undang-undang awam yang lain seperti di UIA, UM, UKM, USIM dan UiTM perlu diteruskan. Pihak fakulti telah mengambil beberapa pendekatan untuk menjalin erat kerjasama baik antara universiti-universiti ini. Antaranya adalah perlantikan Lembaga Kajian Semula Kurikulum, pemeriksa luar dan profesor pelawat yang merupakan ahli akademik fakulti undang-undang universiti-universiti yang telah disebut. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran, rekaan dan kandungan kurikulum secara umumnya adalah berdasarkan fakulti undang-undang yang sedia ada. Walau

bagaimanapun, program undang-undang FUHA telah diubah suai untuk menambah baik program undang-undang sedia ada yang terdapat pada fakulti undang-undang yang lain.

Penekanan terhadap penggunaan Bahasa Inggeris perlu diutamakan. Penguasaan Bahasa Inggeris yang lemah terutamanya dalam kalangan para pelajar berbangsa Melayu amat membimbangkan. Kelemahan ini sedikit sebanyak telah menyumbang kepada keputusan peperiksaan yang kurang memuaskan. Masalah ini juga dapat dilihat pada segelintir pensyarah yang mengajar dalam Bahasa Melayu. Oleh itu, pihak fakulti telah mewajibkan pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris sepenuhnya. Segala aktiviti dan majlis anjuran fakulti juga perlu dikendalikan sepenuhnya dalam Bahasa Inggeris.

Wawasan 1Malaysia yang telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri kita, Datuk Seri Najib Tun Razak perlu diangkat untuk menjadi amalan fakulti. Oleh itu, pihak fakulti telah mengambil pendekatan untuk menerima permohonan para pelajar bukan Melayu bermula pada Semester 1 Sesi 2009/2010 untuk memastikan bahawa golongan ini tidak terpinggir. Selain daripada itu, perkara ini juga dapat mencetus semangat para pelajar Melayu untuk menjadi lebih baik lagi memandangkan penguasaan Bahasa Inggeris golongan bukan Bumiputera adalah baik berbanding mereka. Hal ini juga adalah untuk memenuhi salah satu keperluan bagi akreditasi yang telah ditetapkan oleh Lembaga Kelayakan Profesyen Undang-Undang (LKPUU).

Jumlah staf akademik perlu ditingkatkan untuk memenuhi jumlah pelajar yang semakin meningkat. Ketiadaan Profesor, Profesor Madya dan jumlah pemegang PhD yang sangat sedikit perlu diatasi segera. Terdapat tujuh orang pensyarah telah melanjutkan pelajaran pada peringkat PhD dan ada antara mereka akan kembali berkhidmat dengan fakulti pada tahun ini. Pihak fakulti juga telah mengambil pendekatan merekrut pensyarah separuh masa yang merupakan peguam atau pakar dalam bidang undang-undang tertentu untuk mengatasi masalah kekurangan pensyarah.

Apakah bentuk kepimpinan yang diamalkan dalam pentadbiran di FUHA?

Bentuk kepimpinan demokratik diamalkan dalam pentadbiran FUHA. Semua ahli fakulti digalakkan untuk terlibat sama dalam proses membuat keputusan. Semua maklumat yang melibatkan ahli fakulti akan disalurkan kepada mereka. Mereka akan dilibatkan dalam membuat keputusan dan menangani sesuatu masalah secara kolektif. Sekiranya mereka mempunyai sebarang masalah, masalah tersebut akan dibincang dan diselesaikan bersama.

Pemimpin fakulti hanya akan membuat keputusan sendiri sekiranya mempunyai kekangan masa untuk mendapatkan input semua pihak atau melibatkan masalah peribadi, tatatertib atau keselamatan warga fakulti.

Apakah senario dan cabaran yang dihadapi tuan dalam menerajui FUHA sehingga kini?

Dalam semua kepimpinan, saya percaya banyak cabaran dan senario yang dihadapi. Saya juga tidak terkecuali.

Cabaran saya yang terutama ialah untuk belajar dengan seberapa segera sistem pengurusan universiti dan fakulti, lebih-lebih lagi bagi saya yang datang dari industri swasta. Cara saya bekerja dulu dengan sekarang mungkin berbeza dan saya perlu menyelaraskan dan mengimbangi sistem

kerja saya agar lebih harmoni dengan semua pihak tanpa melenturkan prinsip kerja yang baik dan sempurna. Di samping itu juga, saya masih merangkak untuk menjadi seorang pengajar dan pendidik kerana ini juga adalah perkara yang baru bagi saya.

Cabaran seterusnya lebih tertumpu kepada peningkatan sistem kerja yang lebih kemas dan teratur di FUHA. Paradigma yang tersemat lama di FUHA dikikis perlahan-lahan untuk mewujudkan pasukan kerja yang lebih dinamik, cekap dan 'resilient' terhadap apa jua tugas yang dilemparkan kepada mereka. Perubahan minda kepada sikap keterbukaan dan penerimaan kepada idea-idea baru juga diterapkan secara berperingkat kepada staf sokongan FUHA, ahli akademik dan juga para pelajar FUHA amnya.

Apakah usaha dan strategi yang dilaksanakan untuk memperkasa FUHA dari segi pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan serta penerbitan?

Pihak fakulti telah mengambil langkah aktif dengan melantik dan merekrut ahli akademik bertauliah dari dalam dan luar Malaysia. Ahli akademik FUHA digalakkan untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat pasca siswazah iaitu Sarjana atau PhD. Penambahbaikan sedang dilakukan kepada kemudahan pengajaran serta pembelajaran sedia ada untuk memastikan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif.

Ahli akademik FUHA telah dihantar untuk menghadiri bengkel dan seminar yang menggalakkan kaedah pembelajaran yang berpusatkan pelajar dan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran. Pihak fakulti telah meningkatkan kelayakan kemasukan akademik pelajar untuk meningkatkan kualiti graduan pada masa hadapan. Kurikulum program disemak semula setiap tiga tahun untuk mengekalkan serta meningkatkan kualiti program.

Pihak fakulti telah melibatkan industri undang-undang untuk mengkaji dan menangani keperluan semasa profesyen undang-undang. Perundingan tetap dengan fakulti undang-undang lain terutamanya dalam Majlis Dekan-dekan Undang-undang juga dijalankan untuk memastikan pihak fakulti dimaklumkan mengenai metodologi dan strategi pengajaran dan pembelajaran terkini. FUHA telah mengambil beberapa langkah untuk menangani masalah yang telah dikenal pasti iaitu:

1. Menyediakan Perancangan Strategik FUHA dan RMK-10 dan juga bengkel-bengkel yang dianjurkan oleh pihak pengurusan universiti untuk mengukuhkan hala tuju FUHA.
2. Menterjemahkan perancangan strategik dalam satu pelan tindakan yang mempunyai sasaran pencapaian dan penunjuk prestasi.
3. Perancangan pengenalan program baru seperti program pasca siswazah dan Ijazah Hubungan Antarabangsa adalah selaras dengan perancangan strategik FUHA.

Untuk mempergiatkan aktiviti tujuan pengantarabangsaan, perancangan strategik berkesan telah dirangka untuk menjalin hubungan antara fakulti dengan institusi sama ada dari dalam dan luar negara. Lawatan akademik ke universiti-universiti relevan dari dalam dan luar negara, jalinan kerjasama dengan mereka, penglibatan dan penyertaan ahli akademik pada peringkat antarabangsa seperti latihan, pertukaran kemahiran antara organisasi antarabangsa seperti universiti dan pusat kajian dan penyeliaan pelajar pasca siswazah adalah antara

perancangan strategik yang direka pihak fakulti untuk mencapai pengantarabangsaan. Buat masa ini, FUHA akan mengadakan jalinan hubungan kerjasama dengan Aberystwyth University, Wales & Nottingham Trent University, UK untuk manfaat pelajar dan pensyarah FUHA.

Kekurangan bilik kuliah sedikit sebanyak dapat diatasi dengan pembinaan kemudahan baru seperti blok akademik baru yang mempunyai auditorium yang berfungsi sepenuhnya dan beberapa bilik kuliah. FUHA juga telah menggalakkan para pelajar untuk menyertai pertandingan undang-undang seperti Moots, debat dan rundingan-pelanggan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ahli akademik yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tersebut telah dilantik sebagai penasihat dan jurulatih kepada para pelajar. Pada tahun ini, dua orang pelajar Ijazah Undang-Undang FUHA telah berjaya menjuarai pertandingan Konsultansi Guaman dan seterusnya mewakili Malaysia di peringkat antarabangsa. Ini adalah suatu pencapaian yang membanggakan bagi fakulti Undang-Undang yang termuda di Malaysia.

Khidmat daripada Profesor Adjung dari industri iaitu Y. A. Bhg. Tun Zaki Tun Azmi (Mantan Ketua Hakim Negara) dan Y. Bhg. Tan Sri Nik Hashim Nik Abd. Rahman (Bekas Hakim Mahkamah Persekutuan) memberi banyak faedah dan kebaikan kepada pelajar dan warga FUHA. Selain daripada itu, pihak fakulti telah melantik Profesor Pelawat, yakni Profesor Dr. Rahmat Mohamad, Setiausaha Agong African Asia Legislative Consultative Organisation (AALCO) untuk menyemarakkan penyelidikan dan penerbitan terutamanya dalam bidang undang-undang antarabangsa. Satu kolaborasi antara FUHA dan UniSZA telah dirancang untuk mengadakan kerjasama penyelidikan berhubung isu semasa dalam bidang hubungan antarabangsa dan juga undang-undang antarabangsa. Beliau juga menawarkan tempat latihan industri kepada pelajar dan pensyarah FUHA sama ada di New Delhi, India (ibu pejabat AALCO) atau New York, Amerika Syarikat (pejabat cawangan pemerhati AALCO) untuk merasai pengalaman dan meningkatkan pengetahuan diplomatik antarabangsa secara peribadi.

Latihan industri pula telah mendapat sokongan padu industri terutamanya dari badan kehakiman dan firma guaman seluruh Malaysia dalam cubaan untuk meningkatkan kualiti para graduan. Pelaksanaan Latihan Industri yang sistematik juga menjamin imbalan dengan pihak Industri berterusan.

Apa perancangan Encik Fuad untuk masa hadapan fakulti?

FUHA UniSZA adalah unik kerana ianya merupakan satu-satunya institusi pengajian tinggi yang menawarkan program undang-undang di Pantai Timur. Saya percaya ianya boleh menjadi tempat rujukan, pemangkin dan penghubung antara pengamal undang-undang dan masyarakat awam terutamanya di Pantai Timur. Justeru itu, pihak fakulti berhasrat untuk menyemai lebih banyak usahasama dengan pengamal undang-undang di rantau ini bagi menyemarakkan pengetahuan, perkhidmatan dan penyelidikan berkaitan undang-undang. Antara rancangan dalam masa terdekat ini ialah pihak fakulti ingin menubuhkan satu pusat bantuan guaman khususnya kepada warga UniSZA dengan usahasama pihak Jawatankuasa Peguam Negeri Terengganu dan Jabatan Bantuan Guaman.

Pihak fakulti juga dalam perangkaan mengadakan hubungan kerjasama dengan dua buah universiti daripada United Kingdom yakni University of Aberystwyth dan Nottingham Trent University. Wakil kedua-dua buah universiti ini telah datang melawat UniSZA pada tahun ini dan juga telah memberi syarahan akademik kepada pelajar-pelajar dan pensyarah-pensyarah FUHA secara pro bono dalam rangka lawatan mereka. Salah satu daripada terma kerjasama ialah pihak universiti berkenaan bersetuju memberi tajaan potongan 50% yuran pengajian kepada seorang pelajar FUHA yang mahu melanjutkan pengajian ke sana sama ada dalam program Ijazah Muda mahupun program Sarjana. Selain itu, antara aktiviti yang dirancang juga adalah mobiliti pelajar dan staf akademik, pelantikan Profesor Pelawat serta kolaborasi penyelidikan antara institusi. Kerjasama dengan universiti-universiti berkenaan diharap dapat menyemarakkan perkembangan akademik FUHA.


Penawaran program dalam bidang Hubungan Antarabangsa juga akan dilaksanakan dengan program Ijazah Sarjana Muda Hubungan Antarabangsa dengan Undang-Undang Antarabangsa yang dijangka akan ditawarkan pada September 2013 kelak. Program ini yang akan diketuai oleh Penyelaras Program merupakan satu program unik di mana ianya satu-satunya program 'double major' seumpama ini yang menggabungkan Hubungan Antarabangsa dan Undang-Undang Antarabangsa. Program ini juga diharap dapat memangkin penyelidikan dalam isu hubungan antarabangsa dan undang-undang antarabangsa. Perkembangan Undang-Undang Antarabangsa yang tercipta sejak beratus tahun lampau dari benua Eropah harus dilihat semula pelaksanaannya dari kacamata Benua Asia dan juga kacamata undang-undang Syariah.

Apakah niche FUHA dalam meningkatkan prestasi fakulti?

FUHA memfokuskan kepada usaha-usaha pengajaran dan penyelidikan ilmu-ilmu profesional dan keantarabangsaan. Ini dapat dilihat dari segi usaha fakulti untuk menerapkan suasana pembelajaran undang-undang dalam bentuk 'Student Law Office Programme' terutamanya kepada pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang. Dari sudut ini, para pelajar dipupuk untuk bekerja secara berpasukan dalam 'firma' masing-masing dan melakukan banyak kerja-kerja lapangan yang berbentuk kemahiran praktikal yang diperlukan sebagai pengamal Undang-Undang.

Selain daripada itu, pelajar-pelajar turut didedahkan dengan kaedah-kaedah perundangan dan penyelidikan yang mana pelajar perlu menjalani pelbagai kerja khusus bagi menggilap kemahiran yang dipelajari dalam kelas.

Para pensyarah juga digalakkan untuk mengadakan kerjasama dengan badan profesional seperti Majlis Peguam Negeri Terengganu dan Jabatan Peguam Negara & Kehakiman dalam meneroka peluang-peluang kerjasama antara badan-badan tersebut dengan fakulti. Selari dengan fokus fakulti ke arah keantarabangsaan, pelbagai usahasama juga dijalankan dengan pihak-pihak luar seperti AALCO, Nottingham Trent University dan Aberystwyth University.



Bersama Dr. Ahmad Azrin Adnan

**Pemenang Anugerah Tesis Terbaik
Yayasan Nurul Yaqeen 2011**

Tahniah diucapkan kepada Dr. kerana memenangi anugerah penghargaan tesis terbaik Yayasan Nurul Yaqeen 2011. Apa perasaan Dr. apabila menerima anugerah tersebut?

Alhamdulillah. Maha suci Allah s.w.t. di atas segala kemurahan hati-Nya menghadiahkan saya akan kejayaan yang amat bermakna ini. Segala puja dan puji hanyalah kepada Dia Yang Maha Berhak. Kejayaan ini membuatkan saya semakin mengerti hakikat diri dan makna di sebalik sebuah kehidupan. Tentu sekali saya gembira dengan kejayaan ini. Namun begitu perasaan gembira ini hanyalah sekadar pelengkap kepada segala macam perasaan yang telah dilalui sepanjang tempoh pengajian. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang menaja pengajian saya selama 3 tahun di Universiti Sains Malaysia.

Boleh Dr. ceritakan sedikit latar belakang pendidikan Dr.?

Saya mendapat pendidikan menengah di Maktab Rendah Sains MARA Taiping. Setelah selesai menjalani program matrikulasi di Maktab Rendah Sains MARA Kulim, saya meneruskan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana muda dalam bidang Pentadbiran Perniagaan (Perbankan) di Universiti Utara Malaysia. Di universiti yang sama, saya memperolehi ijazah sarjana Pentadbiran Perniagaan. Tidak terhenti di situ, saya melengkapkan pengajian di peringkat ijazah doktor falsafah dalam bidang Gelagat Pengguna Islam di Universiti Sains Malaysia.

Boleh Dr. huraikan secara ringkas tentang kandungan tesis Dr. dan sumbangannya kepada bidang akademik, khususnya dan masyarakat amnya.

Kelahiran tesis saya yang bertajuk “Penentu Pemilihan Institusi Perbankan Islam Dalam Kalangan Muslim di Terengganu” bertitik tolak daripada tiga permasalahan utama yang terjadi dalam kalangan pengguna Muslim yang menggunakan kemudahan perbankan Islam di Malaysia. Pertama, penguasaan pasaran perbankan Islam di Malaysia yang masih tidak di tahap ideal berdasarkan perbandingan antara jumlah Muslim di Malaysia dan jumlah pelanggan institusi perbankan Islam (IPI) yang beragama Islam. Permasalahan ini membawa kepada permasalahan kedua, iaitu setakat manakah komprehensifnya aspek pendidikan kepenggunaan pada ketika prakarsa lebih tertumpu kepada menambah baik kemudahan infrastruktur operasi dan institusi.



Melihat kepada kedudukan ini, agak menarik untuk diteliti apakah faktor-faktor yang mendorong pengguna Muslim memilih menggunakan kemudahan perbankan Islam. Ia membawa kepada permasalahan ketiga, iaitu setakat manakah dominannya faktor pertimbangan agama (FPA) dalam kalangan pengguna Muslim apabila berurusan dengan bank? Apakah wujud masyarakat Muslim yang ideal di Malaysia seperti yang dihasratkan oleh pihak Kerajaan, khususnya di negeri Terengganu, negeri yang paling awal menerima kedatangan Islam dan cukup terkenal dengan pendedahan nilai-nilai keislaman? Apakah masyarakat Muslim di Terengganu mempamerkan gelagat yang ideal sebagaimana menurut kerangka syarak dalam suasana yang kaya dengan nilai-nilai keislaman? Ketiga-tiga permasalahan inilah yang mendorong saya untuk mengkaji dengan lebih mendalam perihal pembentukan model gelagat kepenggunaan ideal khususnya dalam urusan pemilihan bank. Ia kemudiannya dapat berfungsi sebagai alat analisis, sekali gus menjelaskan fenomena kepatuhan pelanggan Muslim IPI di Terengganu.

Oleh yang demikian, tesis saya ini diyakini telah memberikan implikasi yang signifikan kepada aspek teoretikal dan praktikal. Dari segi teoretikal, ia telah mengetengahkan satu model konsep Penentu Pemilihan Bank Menurut Muslim Ideal (PPBMMI) yang kemudiannya dijadikan instrumen untuk meneliti kepatuhan gelagat Muslim dalam urusan pemilihan bank. Dari segi praktikal pula, ia telah menghasilkan beberapa input baharu kepada pelaksanaan kurikulum pelajaran sedia ada di semua peringkat pengajian, polisi institusi perbankan Islam dan kedudukan semasa pendidikan kepenggunaan.

Paling menarik yang ditemui dalam kajian ini membuktikan bahawa umat Islam sebenarnya bukan berhadapan dengan krisis pengetahuan mahupun kesedaran, tetapi krisis tindakan, yakni beramal dengan apa yang diketahui. Pada ketika usaha lebih banyak tertumpu kepada pengkayaan pengetahuan dan kesedaran, tumpuan kini seharusnya beralih kepada pengkayaan tindakan. Amat besar harapan saya, tesis ini dapat menjadi rujukan pihak-pihak berkepentingan. Model konsep PPBMMI misalnya boleh dijadikan sebahagian daripada topik atau subjek utama dalam penyediaan kurikulum pelajaran oleh Kementerian Pelajaran Malaysia ke arah membina masyarakat *wasatiyyah* di bumi Malaysia yang tercinta ini. Model konsep ini juga dapat dijadikan rujukan oleh pihak AKPK BNM, PPIM dan seluruh pelanggan bank termasuk yang bukan Muslim. Di samping itu, realiti empirikal yang ditemui dalam kajian ini diyakini dapat membantu pihak IPI di Terengganu merencanakan pelan strategi pemasaran masing-masing. Begitu juga dengan pihak pentadbiran Kerajaan Terengganu dalam usaha membina masyarakat yang bertaqwa dan berakhlak mulia.

[Pada pandangan Dr., apakah kriteria utama yang menjadi penyumbang kepada kejayaan Dr. mendapat anugerah tersebut.](#)

Penganjuran anugerah bagi tahun 2011 agak berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya. Bukan hanya nama anugerahnya sahaja ditukar (dahulunya dikenali sebagai Anugerah Tesis Terbaik Tan Sri Muhyiddin Yassin) tetapi juga proses saringan dan pemilihan pemenang. Calon-calon yang berjaya disenarai pendek perlu membentangkan tesis masing-masing kepada panel penilai anugerah ini yang dipengerusikan oleh Dato' Dr. Ismail Ibrahim bersama beberapa orang Profesor. Daripada sejumlah 42 pencalonan, 6 tesis telah disenarai pendek dan Alhamdulillah tesis saya telah dinobatkan sebagai pemenang. Paling tidak, ada tiga sebab yang menyumbang kepada kemenangan ini. Pertama ialah kekuatan implikasi teoretikal dan praktikal bagi tesis ini yang berasaskan pandangan sejagat dan epistemologi Islam. Kedua ialah penglibatan pelbagai pihak di peringkat tempatan dan antarabangsa dalam menghasilkan tesis ini. Ketiga ialah prestasi terbaik yang ditunjukkan semasa sesi pembentangan kepada panel penilai. Ketiga-tiga sebab inilah dirasakan saya menjadi paksi kekuatan tesis ini hingga dikurniakan Allah akan kejayaan ini.

[Bolehkah Dr. memberikan tips-tips pembelajaran yang berkesan untuk dijadikan panduan oleh mahasiswa/i UniSZA?](#)

Saya sebenarnya berhadapan dengan pelbagai ujian besar di sepanjang tempoh pengajian. Namun Allah mempermudah segalanya dan saya amat yakin ia hasil adunan lima resepi. Pertama, dalam apa jua hal yang berlaku, saya menggantungkan seluruh nasib saya kepada Allah. Misalnya, tatkala saya bertembung dengan apa jua kesukaran pengajian, hal pertama yang saya lakukan adalah solat sunat taubat dan solat sunat hajat. Kedua, saya berusaha sedaya upaya untuk berbuat yang terbaik kepada kedua orang tua dan guru saya. Atas sebab itulah misalnya, saya dikurniakan Allah akan guru yang tidak hanya memimpin saya dalam pengajian tetapi juga memimpin saya ke hospital sewaktu saya jatuh sakit. Ketiga, saya berusaha sedaya upaya untuk sentiasa bermurah hati baik dari segi tenaga dan wang ringgit kerana di situlah antara punca kemurahan rezeki. Keempat, saya memiliki perancangan pengajian yang sangat teliti. Bermula dari perancangan tahunan hinggalah kepada perancangan harian. Kelima, tiada istilah 'malu' dalam kamus hidup saya setiap kali saya memerlukan tunjuk ajar daripada seseorang. Kelima-lima resepi inilah mudah-mudahan menjadi panduan kepada para pelajar siswazah sekalian bagi menggapai kejayaan yang lebih gemilang.

Venus and the Search for New Life

By: Anuar McAfee

The first voyage of James Cook took place in 1768. His orders were to sail from England to Tahiti to record the transit of Venus across the surface of the Sun. The observation of this important scientific event was actually carried out at 40 different locations around the world. The transit of Venus was to be timed as accurately as possible. The times, once compiled and compared from the far corners of the Earth, could then be used to calculate the distance from the Earth to the Sun, something not yet known at the time.

By comparing the starting and ending times of the Venus transit from different locations around the globe, and knowing the distances between each of the observation points, astronomers were able to use the principle of parallax to determine the distance to the Sun. As a result of Cook's observations from Tahiti, the distance to the Sun was found to be 93,726,900 miles. That is accurate to within 1% of what we know today using modern technology and science. Amazing!

After James Cook completed his observations of Venus, he opened his sealed orders from the Admiralty for the second and now famous part of his voyage, to search the south Pacific for new lands, namely Australia and New Zealand.

Today, scientists are still very interested in observing the transit of Venus. They no longer need to calculate the distance to the Sun; instead they are using this rare opportunity to study one of the most exciting realms of astronomy today, the search for new life on other planets.

To date, 777 planets have been found outside our solar system. In order to see if any of these planets hold conditions suitable for life, astronomers are trying to study their atmospheres. New techniques have been developed to look into these distant atmospheres. When these far away planets pass in front of the star they orbit, light from that star passes through the planet's atmosphere. Powerful telescopes and instruments on Earth can detect this light and in turn, observe the contents of the atmosphere.

In order to test the validity of these observations, scientists are conducting these same tests on the atmosphere of Venus as it transits across the Sun. Researchers already know the composition of the atmosphere, so they hope to validate the new observation techniques used on some of the distant planets discovered in our galaxy. They only have one chance at it though, as the next opportunity to observe the transit of Venus will take place in 105 years.

While observations of Venus have played an important role in science over the past several hundred years, to the layperson, the event may have less significance. Not surprisingly however, countless people from all over the world were out on June 5, 2012 to see for themselves this rare astronomical event. Universiti Sultan Zainal Abidin held its own observation gathering on the Gong Badak campus with exhibits, talks, and plenty of telescopes to allow everyone a close-up view of Venus as it moved across the Sun for the last time this century.



Fig. 1. Transit of Venus across the Sun
UniSZA, Kuala Terengganu, 12:12 pm, June 6, 2012

Alelopati dan Aplikasinya dalam Pertanian

Oleh: Nashriyah Mat, Tuan Noorfatiehah Tuan Kub & Muhamad Azhar Abdul Wahid



Alelopati berasal daripada perkataan Yunani iaitu *allelon* yang bererti 'satu sama lain' dan *pathos* yang bererti 'menderita'. Istilah alelopati dicipta oleh seorang ahli botani dari Czech-Austrian, Profesor Hans Molisch pada tahun 1937. Istilah ini merujuk kepada kesan-kesan memudarat tumbuhan suatu spesies (penderma) kepada percambahan dan pertumbuhan tumbuhan spesies lain (penerima). Sebagai contoh, alelopati daripada *Anacardium occidentale* (gajus) dapat merencatkan pertumbuhan biji benih *Zea mays* (jagung) dan *Cucumis sativus* (cucumber). Bahan kimia yang berperanan dalam alelopati ini disebut sebagai alelokimia.

Proses penghasilan alelopati merupakan proses interaksi secara langsung atau secara tidak langsung bahan kimia yang dibentuk oleh sesuatu organisma terhadap organisma lain antara tumbuhan, antara mikroorganisma dan antara tumbuhan dengan mikroorganisma yang menunjukkan kemampuan sesuatu organisma untuk mempertahankan kemampuan hidup dalam persaingan untuk mendapatkan makanan, habitat dan juga keperluan hidup lain. Pengaruh alelokimia ini bersifat selektif iaitu berpengaruh terhadap organisma tertentu.

Tumbuhan menggunakan alelopati sebagai cara untuk mendapatkan ruang untuk hidup dan melindungi diri mereka sendiri. Alelopati juga

merupakan salah satu cara untuk mengurangkan persaingan. Alelopati akan menguntungkan bagi spesies yang menghasilkannya namun merugikan tumbuhan sasaran. Oleh sebab itu, umumnya tumbuhan yang menghasilkan alelokimia ini mendominasi sesuatu kawasan tertentu. Sebagai contoh, salah satu cara untuk akar melindungi ruang akarnya adalah dengan mematikan pokok lain dengan menggunakan alelokimia. Pokok itu seterusnya akan menarik lebih banyak air dan nutrien untuk keperluan hidupnya.

Alelopati boleh berbeza dengan mekanisme-mekanisma lain kerana kesan bahayanya adalah melalui

pelepasan perencat kimia (alelokimia) oleh spesies penderma. Mekanisma alelopati bermula di membran plasma yang berlakunya gangguan struktur, modifikasi pada saluran membran atau kehilangan fungsi enzim ATP-ase. Hal ini akan mempengaruhi penyerapan dan kepekatan ion dan air yang seterusnya menggalakkan pembukaan stomata dan proses fotosintesis. Gangguan juga mungkin berlaku dalam sintesis protein, pigmen, sebatian karbon serta beberapa aktiviti fitohormon. Beberapa jenis alelokimia boleh menyebabkan pembelahan sel-sel akar, mempengaruhi pembesaran sel tumbuhan dan respirasi akar. Ianya juga menyebabkan pengurangan dan kelambatan percambahan biji benih, merencatkan pertumbuhan anak pokok, klorosis, layu dan seterusnya menyebabkan kematian pokok.

Alelokimia terdapat dalam semua tisu tumbuhan, termasuklah daun, batang, akar, rizom, bunga, buah-buahan dan biji benih. Alelokimia boleh dilepaskan daripada tisu tumbuhan dengan pelbagai cara iaitu melalui penguapan, eksudasi akar, larut resap dan penguraian sisa tumbuhan.

Laporan mengenai toksin penguapan daripada kajian ke atas tumbuhan banyak dijumpai di kawasan gersang. Antara tumbuhan yang mengeluarkan toksin melalui penguapan adalah daripada genus *Artemisia*, *Eucalyptus* dan *Salvia*.



Kebanyakan sebatian alelopatinya termasuk dalam golongan terpenoids. Sebatian alelopati jenis ini boleh diserap oleh tumbuh-tumbuhan di sekitarnya melalui wap air, embun yang terkondensasi atau diserap oleh akar tumbuhan apabila sebatian bersentuhan dengan tanah. Alelokimia yang diserap oleh tumbuhan lain akan menyebabkan toksik dan kematian kepada tumbuhan penerima.

Kebanyakan sebatian juga dibebaskan oleh tumbuhan melalui eksudasi akar. Kajian membuktikan kitaran nutrien berlaku dalam sistem akar sebatang pokok. Bahan kimia yang boleh dibebaskan oleh eksudasi akar termasuklah asid organik, asid amino, bahan pektik, asid giberelik, terpenoid, alkaloid, benzoat, sinamat dan sebatian fenolat.

Sejumlah sebatian alelopati juga terlarut resap daripada bahagian permukaan tanah atau daun yang dilalui oleh air hujan atau titisan embun. Larut resap daun *Crysanthemum* sangat beracun sehingga tidak terdapat tumbuhan lain hidup di bawah naungan tumbuhan ini. Larut resap daun velvet (*Abutilon theophrasti*) pula memerencatkan pertumbuhan kacang soya (*Glycine liliin*). Rambut pada batang pokok velvet ini dikatakan mempunyai bahan kimia eksudat yang bersifat toksik.

Sesetengah tumbuhan menyimpan alelokimia pelindung pada daun yang gugur ke tanah. Apabila jatuh ke tanah, daun akan terurai dan mengeluarkan alelokimia yang terdapat di dalamnya. Dedaun yang gugur ini cenderung untuk mengeluarkan lebih banyak alelokimia berbanding dedaun yang masih segar. Alelokimia ini akan dikeluarkan secara langsung melalui penguraian sisa tumbuhan yang boleh menyebabkan toksik. Sel-sel pada organ yang mati kehilangan ketelapan membran dan memudahkan alelokimia di dalamnya dilepaskan.

Interaksi alelopati boleh dinilai melalui larut resap tumbuhan, penyediaan ekstrak tumbuhan sama ada dilarutkan dengan air/larutan organik lain dan juga penguraian sisa tumbuhan. Kuantiti bahan alelokimia pula berbeza bagi tisu tumbuhan yang berbeza dan dalam ekologi yang berlainan. Terdapat lebih daripada 2400 spesies tumbuhan dalam 189 famili yang kaya dengan pelbagai sebatian bioaktif organik. Sebatian ini mempunyai pelbagai metabolit sekunder termasuklah terpenoid,



alkaloid, hidrokarbon, asid organik dan aldehid, asid aromatik, lakton tak tepu, coumarin, quinines, flavonoid, tanin, terpenoid, asid amino, gula, dan steroid serta sebatian lain yang tidak dapat dikenal pasti. Strukturnya adalah lebih daripada 600 alkaloid, 3000 terpenoid, beribu-ribu fenil propanoid, 1000 flavonoid, 500 quinon, 650 poliasetilen dan 400 asid amino.

Tumbuhan yang menghasilkan alelopati bergantung kepada persekitaran dimana mereka tumbuh dan sebagai tindakbalas kepada tekanan yang dihadapi. Tumbuhan dalam rumah hijau menghasilkan kuantiti alelopati yang terhad kerana ketidakhadiran ultraviolet (UV) dalam rumah hijau. Beberapa kajian telah mendapati cahaya UV menggalakkan pengeluaran bahan kimia alelopati. Sebagai contoh, rumah hijau yang dibekalkan dengan lampu UV menyebabkan bunga matahari (*Helianthus annuus*) menghasilkan lebih banyak asid skopolin dan klorogenik. Kekurangan nutrien pada tumbuhan juga boleh mempengaruhi pengeluaran alelokimia. Kekurangan boron, kalsium, magnesium, nitrogen, fosforus, kalium dan sulfur telah dipercayai dapat meningkatkan kepekatan asid klorogenik dan skopolin dalam pelbagai tumbuhan. Dalam spesies lain pula, asid klorogenik telah menurun dalam tumbuh-tumbuhan yang kekurangan magnesium atau kalium.

Jenis dan umur tumbuhan juga sangat penting dalam mempengaruhi kuantiti alelopati dalam sesuatu tumbuhan. Bagi spesies yang berbeza, terdapat keupayaan yang

berbeza untuk menghasilkan alelokimia. Dalam sesuatu spesies, perbezaan mungkin wujud disebabkan jumlah toksin yang berbeza dihasilkan oleh genotip yang berbeza. Sebagai contoh, pelbagai oat (*Avena sativa*) menunjukkan perbezaan keupayaan untuk menghasilkan sebatian skopoletin dan sebatian yang berkaitan dalam kuantiti yang berbeza.

Kini minat terhadap alelopati semakin meningkat dan banyak penyelidikan yang memberi tumpuan terhadap penerokaan alelopati tumbuhan telah dijalankan. Manfaat yang boleh diperolehi daripada tumbuhan alelopati adalah penggunaan bahan alelokimia untuk menghalang tumbuhan daripada serangan serangga, nematod, penyakit, dan rumpai. Kajian membuktikan alelopati boleh dieksploitasi sebagai racun bio-serangga, racun bio-rumpai dan racun bio-nematod bagi menggantikan racun kimia yang seterusnya akan mengurangkan kos penggunaan racun kimia serta dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar. Tumbuhan alelopati juga bermanfaat sebagai tanaman tutup bumi, contohnya *Secale cereale* (rai) untuk penindasan populasi rumpai. Berikut adalah beberapa contoh penyelidikan alelopati yang telah diterbitkan:

Tumbuhan	Kesan alelopati
<i>Andrographis paniculata</i> (hempedu bumi)	Merencatkan parameter pertumbuhan iaitu ketinggian, bilangan pengeluaran daun dan biji <i>Parthenium hysterophorus</i> (Rumput Santa Maria Feverfew/ Rumput Whitetop).
<i>Mangifera indica</i> (mangga)	Sisa penguraian menghalang percambahan <i>Cyperus rotundus</i> (rumput nutsedge ungu).
<i>Brassica oleracea</i> (brokoli)	Sisa penguraian mengganggu pertumbuhan tanaman cruciferous lain (kubis, bunga kol).
<i>Hordeum vulgare</i> (barli), <i>Triticum aestivum</i> (gandum) dan <i>Secale cereale</i> (rai)	Sisa penguraian merencatkan percambahan dan pertumbuhan <i>Oryza sativa</i> (padi) dan beberapa rumpai darat.
<i>Vitex agnus-castus</i> (chaste tree)	Larut resap merencatkan pertumbuhan <i>Digitaria eriantha</i> (rumput pangola), sejenis rumput pastura.
<i>Acer rubrum</i> (maple merah), <i>Quercus michauxii</i> (chestnut oakpaya) dan <i>Juniperus virginiana</i> (cedar merah)	Ekstrak akar menghalang pertumbuhan dan percambahan benih Romaine Lettuce (salad).
<i>Triticum aestivum</i> (gandum) dan <i>Secale cereale</i> (rai)	Penindasan alelopati rumpai apabila digunakan sebagai tanaman tutup bumi dan apabila sisa tumbuhan digunakan sebagai sungkupan.
<i>Origanum majorana</i> (oregano), <i>Ocimum basilicum</i> (selasih) dan <i>Melissa officinalis</i> (lemon balm).	Toksik kepada larva <i>Spodopteralitura</i> (ulat ratus)
<i>Andrographis paniculata</i> (hempedu bumi), <i>Catharanthus roseus</i> (kemunting cina) dan <i>Datura metal</i> (kecubung)	Kematian larva <i>Helicoverpa armigera</i> (ulat pengorek buah)
<i>Dioscorea hispida</i> (ubi gadong)	Ekstrak ubi merencat percambahan benih <i>Brassica nigra</i> (sawi) dan merangsang percambahan benih <i>Zea mays</i> (jagung).
<i>Raphanus sativus</i> (lobak)	Sisa penguraian merencat percambahan benih <i>Sorghum halepense</i> (johnsongrass) iaitu sejenis rumpai.
<i>Lantana camara</i> (bunga tahi ayam)	Ekstrak daun mengawal serangan serangga <i>Oulema pectoralis</i> (kumbang) pada <i>Mokarachark</i> (orkid).
<i>Lactarius hatsudake</i> (cendawan liar)	Ekstrak merencat perkembangan pucuk dan akar sawi, lobak dan merangsang tinggi pucuk <i>Oryza sativa</i> (padi)
<i>Asphodelus tenuifolius</i> (bawang liar)	Ekstrak akar, pucuk dan buah merencat pertumbuhan <i>Cicer arietinum</i> (kacang kuda).
<i>Mikania micrantha</i> (rumpai selaput tunggul)	Ekstrak dan sisa penguraian menyebabkan pengurangan berat kering dan kandungan nitrogen pada biji benih tomato dan tumbuhan kekacang.
<i>Helianthus annuus</i> (pokok bunga matahari) dan <i>Hordeum vulgare</i> (barli)	Ekstrak akueus merencat percambahan benih serta pertumbuhan pucuk dan akar <i>Triticum aestivum</i> (gandum)



Aplikasi Alelopati dalam Pertanian

Pada peringkat awal, saintis perlu menentukan tumbuhan yang berpotensi tinggi sebagai alelopati. Pendekatan asas yang digunakan dalam penyelidikan alelopati dalam pertanian telah dinilai bagi tumbuhan tanaman dan tanaman semula jadi sebagai potensi penghalang rumpai. Kajian alelopati di makmal biasanya menggunakan ekstrak dan larut resap tanaman yang diuji untuk menentukan kesannya terhadap percambahan biji benih, manakala kajian alelopati di lapangan pula dijalankan di dalam rumah hijau atau kawasan lapang yang lebih terdedah kepada kesan persekitaran untuk menentukan keberkesanan ujian makmal. Pembuktian kesan alelopati di lapangan adalah lebih mencabar kerana terdapat banyak faktor persekitaran yang sedikit sebanyak mempengaruhi alelokimia. Sebagai contoh, terdapat bakteria yang hidup di dalam tanah boleh menukar struktur dan kesan alelokimia daripada beracun kepada tidak beracun. Faktor lain seperti angin, suhu, kelembapan, hujan dan serangan serangga juga akan memberi kesan kepada ujian alelopati yang dijalankan.

Kajian yang sedang dijalankan di Ladang Fakulti Pertanian dan Bioteknologi, Kampus Gong Badak UniSZA adalah berkaitan dengan kesan alelopati ekstrak *Dioscorea hispida* (ubi gadong) terhadap pertumbuhan jagung dan sawi di tapak penanaman; iaitu kawasan yang lebih terdedah kepada kesan persekitaran berbanding rumah hijau. Tujuan kajian tersebut dilakukan adalah untuk menilai tindak balas alelopati ekstrak ubi gadong terhadap tumbuhan ujian dan faktor persekitaran di lapangan yang lebih mencabar. Sebelum ini, hasil kajian lepas yang telah dijalankan di makmal menunjukkan ekstrak ubi gadong pada kepekatan tertentu telah merencat pertumbuhan benih *Brassica nigra* (sawi) dan merangsang pertumbuhan benih *Zea mays* (jagung). Oleh yang demikian, keberkesanan kesan

alelopati yang terdapat di dalam ubi gadong dapat disahkan dan seterusnya dapat dikomersialkan penggunaannya sebagai racun bio-rumpai ataupun sebagai perangsang pertumbuhan biji benih jika ujian di lapangan menunjukkan hasil yang sama seperti ujian di makmal.

Alelopati menyediakan struktur asas kepada penghasilan racun bio-rumpai baru bagi menggantikan racun kimia kerana ia lebih selamat kepada alam sekitar. Selama dua dekad yang lalu, banyak penyelidikan telah dijalankan ke atas sebatian daripada tumbuhan sebagai alternatif kepada racun perosak tanaman terutamanya racun herba untuk kawalan rumpai. Ianya adalah suatu teknik semula jadi dan mesra pengguna yang berkesan untuk pengurusan rumpai dan serangga perosak dan sekaligus dapat meningkatkan hasil dan kualiti tanaman.

Rujukan

- Kruse M, Strandberg B, Strandberg M. 2000 Ecological effects of allelopathic plants – A review, NERI Technical Report, No. 315.
- Nashriyah M, Nornasuha Y, Salmah T, Norhayati N, Mohd. Rohaizad. 2010 *Dioscorea hispida* Dennst. (Dioscoreaceae): An overview, *Buletin UniSZA*, Bil. 4: 12-13.
- Muhamad Azhar AW, Nashriyah M, Mohd Hudzari R. 2011. Application of automatic timer for irrigation system in *Dioscorea hispida* Dennst. propagation, *Science and Technology* 1(1): 24-28.



Bahasa Rojak dalam Penulisan Saintifik

Oleh: Nashirah Hussin, Azizah Endut & W. Faridah Wan Sembok



Sebagaimana popularnya rojak sebagai makanan kegemaran ramai, begitulah juga popularnya 'bahasa rojak' pada akhir-akhir ini. Isu tersebut menjadi salah satu isu bahasa yang hangat diperkatakan dalam media dan dalam pelbagai wacana, selain isu nasib bahasa Melayu yang kelihatannya dipinggirkan atau tidak diberi keutamaan pada tempatnya yang hak dan wajar, seperti dalam sesetengah majlis dan acara rasmi dalam negara, pada iklan dan papan tanda perniagaan, pada nama jalan, taman perumahan, nama bangunan dan sebagainya.

Dalam bidang ilmu bahasa, sebenarnya tidak ada istilah bahasa rojak. Istilah ini ditimbulkan oleh sejumlah orang yang melihat adanya fenomena bahasa yang bercampur baur antara bahasa Melayu dengan bahasa asing khususnya bahasa Inggeris. Mereka mengaitkan sesuatu yang bercampur baur itu sebagainya rojak, kerana rojak merupakan makanan daripada bahan-bahan yang bercampur-campur. Bahasa rojak membawa konotasi yang tidak murni walaupun rojak itu sendiri maknanya yang enak dan digemari ramai. Kecenderungan penggunaan bahasa rojak dalam kalangan masyarakat di negara kini membuktikan bahawa kita 'lupa bahasa' (Nuraini 2007). Jika dibandingkan dengan Thailand dan Indonesia, penggunaan bahasa rojak tidaklah seburuk negara kita (Mohd Ridhuan Tee 2007).

Bahasa rojak kini bukan lagi merupakan satu variasi atau satu ragam bahasa basahan yang digunakan dalam situasi tidak rasmi, malah telah melarat dalam bidang rasmi seperti mesyuarat, penyiaran dan penulisan. Gejala bahasa rojak berlaku dalam masyarakat pelbagai bahasa. Di Malaysia, kehadiran dunia tanpa sempadan khususnya dalam abad ke-21, telah mencetuskan istilah bahasa rojak hasil daripada pemerhatian gejala bahasa yang ketara. Seperti yang telah dijelaskan, istilah bahasa rojak bukan merupakan satu istilah dalam bidang linguistik (Awang Sariyan 2004) tetapi hasil daripada rasa tergugat dalam kalangan pencinta bahasa khususnya bahasa Melayu yang gusar terhadap kuasa bahasa Inggeris. Awang Sariyan (2004) juga menyatakan bahawa bahasa rojak sebagai bahasa yang tidak keruan, percampurannya tidak teratur dan tidak sistematik. Keadaan ini berlaku apabila dalam satu ayat bahasa Melayu dimasukkan beberapa patah kata bahasa asing atau beberapa frasa asing seperti yang dianalogi oleh Datuk Rais Yatim sebagai 'sekerat ular, 'sekerat belut'.

Menurut Awang (2005) yang mengkaji bahasa rojak, beliau mendapati bahawa bahasa rojak merupakan satu bentuk kerancuan bahasa dalam bidang linguistik atau ilmu bahasa. Fenomena bahasa rojak (*code-mixing*) boleh di kategorikan kepada beberapa peringkat iaitu peringkat perkataan, frasa dan ayat (Anzaruddin Ahmad

2007). Bahasa Melayu rojak melibatkan proses alih kod (*code-switching*) dan campur kod (*code-mixing*) yakni proses pemindahan atau percampuran unsur bahasa antara bahasa Melayu dengan unsur-unsur bahasa asing. Asmah (2007), menyatakan bahawa bahasa rojak merupakan campur kod dan alih kod. Dalam sesuatu perbualan, boleh berlaku salah satunya dan juga boleh berlaku kedua-duanya.

Campur kod (*code-mixing*) merupakan satu ciri yang sangat lazim bagi orang-orang Malaysia daripada semua kaum dan melibatkan semua peringkat sosial. Apa yang dimaksudkan dengan campur kod ialah wujudnya perkataan atau frasa asing dalam bahasa yang sedang kita gunakan. Contoh di bawah menggambarkan campur kod dalam bahasa Melayu.

'Kita punya business sudah down'

'That fellow teruk you know.'

'Tolong reservekan 1 satu seat, I ada appointment petang ni, meeting I habis kol 9.00.'

Alih kod (*code-switching*) merujuk kepada periringan kod yang lebih panjang daripada kata dan frasa. Ini bermakna, kod yang terlibat ialah klausa ataupun ayat. Pengguna bahasa yang menggunakan alih kod biasanya mempunyai pengetahuan yang baik dalam kedua-dua bahasa.

Contohnya;

'Kami sebagai *students* IPT memang *fully support any* langkah our government nak kurangkan harga buku-buku *in our market*. *No reason to increase* harga buku-buku sebab *we all know* tak semua buku-buku yang ada itu baru sahaja diimport. *Long time ago before our* ringgit jatuh dia punya *value against American dollars*, buku dalam kebanyakan kedai di KL ni dah ada, buku-buku itu juga. *So, I think* lebih elok jangan naikkan *the price of the books especially* buku-buku yang *students* gunakan di IPT.'

Dalam membicarakan isu bahasa rojak, percampuran antara kedua-dua bahasa itu dalam konteks komunikasi tidak rasmi seperti perbualan, jual beli di pasar dan sebagainya dapat diterima sebagai suatu realiti sosiolinguistik (Awang Sariyan 2006). Namun, perkara ini tidak sepatutnya berlaku dalam urusan rasmi dan untuk keperluan mengungkapkan ilmu serta pemikiran, penggunaan bahasa baku adalah paling sesuai. Gaya bahasa dibandingkan bidang yang lain sama ada dari segi takrif, modus, penghuraian dan sebagainya.

Kecelaruan penggunaan bahasa dalam penulisan tidaklah seburuk penggunaannya dalam bahasa lisan. Hal ini timbul apabila kita menggunakan peraturan bahasa kedua atau bahasa orang lain sebagai ukuran atau kita bergantung kepada kata-kata dalam bahasa kedua (terutamanya bahasa Inggeris) untuk menyampaikan maksud apabila kita menulis dalam bahasa Melayu. Inilah timbulnya ragam bahasa rojak. Kesalahan timbul apabila bahasa yang digunakan itu menyalahi peraturan bahasa Melayu.

Asmah Haji Omar (2007) menyatakan, sebahagian besar pengguna bahasa rojak ialah mereka yang mempunyai kecekapan dwibahasa Melayu – Inggeris. Bahasa rojak yang digunakan biasanya dalam bentuk campur kod dan alih kod mengikut bidang atau tajuk yang diperkatakan. Dalam penulisan, bahasa rojak boleh didapati dalam sistem ejaan, imbuhan, kosa kata dan struktur ayat. Menurut Hassan Ahmad (2007), terdapat tiga jenis kecelaruan dan kesalahan bahasa yang dilakukan dalam bahasa Melayu:

1. Kesalahan penggunaan bahasa yang berpunca daripada pengaruh



2. Kecelaruan yang berlaku dalam bentuk penggunaan bahasa Melayu yang bercampur – baur dengan ayat dan kata-kata bahasa Inggeris dan bahasa Arab.
3. Kebergantungan fikiran orang Melayu pada kata-kata leksikal bahasa Inggeris, menyebabkan mereka sering menggunakan kata-kata Inggeris yang biasa secara bulat-bulat dalam percakapan atau penulisan mereka.

Pengaruh Bahasa Inggeris

Kesalahan penggunaan bahasa berlaku apabila fikiran mereka dipengaruhi oleh bahasa Inggeris sama ada dari aspek tatabahasa, struktur ayat leksikal dan sebagainya. Contohnya penggunaan kata pemeris 'ialah' dan 'adalah' merupakan terjemahan dari kopula bahasa Inggeris *is, are, was, were*, seperti *She is a teacher*. Justeru itulah terdapat ramai daripada kita menulis dalam esei mereka 'Dia ialah guru' atau 'Dia ialah seorang guru'

atau 'Dia ialah pelukis'. Ini kerana dalam bahasa Inggeris mereka akan menulis *She is a teacher* bukan *She teacher*. Itu merupakan peraturan nahu dalam bahasa Inggeris tetapi dalam bahasa Melayu, nahu yang betul ialah 'Dia guru' atau 'Dia pelukis'.

Satu lagi contoh yang menunjukkan bagaimana orang Melayu berfikir dalam bahasa Inggeris lalu melakukan kesalahan bahasa ialah penggunaan perkataan 'mana'. Dalam bahasa Melayu, perkataan ini digunakan sebagai petunjuk tempat dan frasa pertanyaan seperti 'di mana?', 'mana dia?' dan sebagainya. Namun begitu, dalam bahasa Melayu hari ini kita sering membaca perkataan ini digunakan sebagai kata hubung atau penghubung klausa relatif. Ini berlaku kerana ia diterjemahkan daripada bahasa Inggeris *in which, what, which* dan *by which* menjadi 'di mana', 'dalam mana', 'dengan mana' dan 'yang mana'. Ayat-ayat dalam bahasa Melayu yang sering kita temui



seperti 'Dia lahir di tengah-tengah kota di mana pertembungan nilai berlaku'. Sepatutnya dia menulis 'Dia lahir di tengah-tengah kota, tempat pertembungan nilai berlaku', jika dia berfikir dalam bahasanya. Kata-kata 'dari mana' juga digunakan sebagai kata hubung seperti dalam ayat 'Proses itu mula-mulanya melibatkan penerimaan bahan dari mana rembesan dijadikan'. Sepatutnya ia ditulis 'Proses itu mula-mulanya melibatkan penerimaan bahan yang merupakan rembesan.' Kata-kata 'yang mana' sering digunakan dalam bahasa Melayu. Contohnya: '*Pembunuhan sel-sel perumah, yang mana sel-sel tersebut adalah satu sifat serangan parasit, dijayakan oleh rembesan enzim yang dikeluarkan oleh parasit*'. Sebetulnya ialah '*Pembunuhan sel-sel perumah yang menjadi satu sifat serangan parasit dijayakan oleh rembesan enzim*'.

Dalam penulisan, terdapat ayat-ayat yang digunakan berbau Inggeris

atau struktur ayatnya dipengaruhi oleh bahasa Inggeris. Apabila sistem bahasa Inggeris mempengaruhi pengguna bahasa, ayat-ayat dan kata-kata bahasa Inggeris mulai bercampur baur dengan ayat dan kata-kata bahasa Melayu. Contohnya dalam struktur bahasa Inggeris *in other words* diterjemahkan kepada 'dalam lain-lain perkataan'. Kalau mengikut sistem bahasa Melayu sebagaimana yang diketahui oleh penutur naratif bahasa Melayu, ayat yang betul ialah 'dengan perkataan-perkataan lain'.

Penggunaan kata tanya dalam bahasa Melayu bertujuan untuk mengemukakan soalan atau membuat pertanyaan. Menurut Tatabahasa Dewan (2005), kata tanya bermaksud perkataan yang digunakan untuk menanyakan sesuatu atau menyoal sesuatu. Namun kita dapati kata tanya banyak digunakan dalam ayat penyata, sebagaimana yang terdapat dalam sistem bahasa Inggeris. Perhatikan dua contoh penggunaan kata tanya yang tidak tepat.

'Terangkan mengapa bes menunjukkan sifat alkali dalam larutan akueus (Soalan Kimia, 1998). Sepatutnya

'Terangkan sebab bes menunjukkan sifat alkali dalam larutan akueus'.

'Hormon juga digunakan untuk mengawal makhluk perosak. Nyatakan dua cara bagaimana ia bertindak. (Soalan Kimia, 1993). Sepatutnya ia ditulis begini 'Hormon juga digunakan untuk mengawal makhluk perosak. Nyatakan dua cara hormon itu bertindak'. Ayat ini menjadi gramatis. Satu lagi kecelaruan yang banyak berlaku dalam penulisan ialah pemindahan atau percampuran unsur bahasa antara bahasa Melayu dengan unsur-unsur bahasa Inggeris atau bahasa Arab. Contohnya dalam teks-teks sains banyak menggunakan istilah bahasa Inggeris walaupun sudah ada istilah tersebut dalam bahasa Melayu atau menggunakan kedua-dua istilah Melayu dan Inggeris. Ini berlaku kerana pengguna bahasa tidak yakin dengan istilah bahasa Melayu. Contohnya:

'Hidroid itu menunjukkan dua-bentuk (*dimorphism*) oleh kerana polip-polip (*zooids*) itu terdiri daripada dua jenis, iaitu polip pemakan (*hydranth*) dan pembiakan (*blastostyle*)'.

'Permukaan atas (*exumbrella*)nya berbentuk cembung, sementara permukaan bawah (*subumbrella*)nya pula berbentuk cekung. Dari tengah-tengah permukaan terbit corong mulut (*manubrium*) dan di hujungnya terletak mulut obelis itu.'

Dalam buku Mengendalikan Sistem Perakaunan Berkomputer USB, penulis telah mencampuradukkan frasa Melayu dan Inggeris seperti:

'Mengendalikan Ruang Dialog Select Company',

'Mengisi Ruang Special Account',

'Mengisi Ruang Group To',

'Mengisi Ruang Last Year Figure'.

'Kejohanan yang diberi nama *World Cup* ini turut menarik kita sebagai umat Islam untuk bersengkang mata semata-mata ingin melihat pasukan yang diminati.'

'Globalisasi, suka tidak suka, memberi efek yang besar bagi perkembangan bahasa, khususnya bahasa Melayu'.

Sekali imbas mungkin tidak terasa kecacatannya. Tetapi kalau dilihat dengan teliti akan tergambar kepada kita bahawa penulis tidak fasih dalam bahasa Melayu atau tidak berfikir. Kecelaruan ini juga mungkin timbul kerana mereka menyamakan fenomena bahasa rojak dengan penyerapan (peminjaman) kosa kata atau istilah asing.

Dalam penulisan saintifik, didapati campur aduk antara bahasa Melayu dengan bahasa Cina, Tamil dan dialek daerah tidak terlalu ketara. Namun percampurabauran dengan bahasa Arab banyak ditemui terutama dalam wacana-wacana agama Islam, namun dalam bentuk yang minimum jika dibandingkan campur aduk dengan bahasa Inggeris (Munif Zariruddin Fikri, 2007). Contohnya:

'Zamaksyari tidak seperti pentafsir-pentafsir lain yang tertipu atau terpengaruh dengan cerita-cerita Israiliyat.'

'Seorang doktor Muslim perlu menguasai ilmu qawaid fihiyyah dan qawaid tibbiyah. Perlu juga menguasai maqasid syari'yyah iaitu menjaga akal, harta, agama, jiwa dan nasab.'

Sepatutnya:

'Zamaksyari tidak seperti pentafsir-pentafsir lain yang tertipu atau terpengaruh dengan cerita-cerita Israiliyat (cerita-cerita bersumberkan daripada Bani Israil)'.

'Seorang doktor Muslim perlu menguasai ilmu qawaid fihiyyah (kaedah-kaedah fiqh Islami) dan qawaid tibbiyah (kaedah-kaedah perubatan). Perlu juga menguasai maqasid syari'yyah (objektif hukum syarak) iaitu menjaga akal, harta, agama, jiwa dan nasab.'

Kebergantungan orang Melayu kepada kata-kata leksikal bahasa Inggeris memang tidak dapat dinafikan lagi. Kita perhatikan dalam bahasa pertuturan, pengguna sering menggunakan kata-kata Inggeris seperti 'so', 'but', 'anyway', 'I mean' dan banyak lagi walaupun dalam situasi rasmi. Orang Melayu yang fikiran mereka tidak dipengaruhi oleh kata-kata Inggeris, tentu akan menggunakan 'jadi', 'tapi atau tetapi', 'bagaimanapun' dan 'maksud saya'. Cuma masalah yang mereka hadapi barangkali ialah minda mereka tidak terdedah kepada kata-kata Melayu dalam konteksnya (Hassan Ahmad, 2007).

Menurut Yu (2003), banyak item

leksis baru bahasa Inggeris wujud kebelakangan ini sehingga menjadi masalah menonjol dalam bidang linguistik. Setiap pengguna bahasa kerap menggunakan akronim-akronim dan singkatan-singkatan bahasa Inggeris seperti 'IP', 'CEO' dan 'down load' dalam kehidupan seharian, maka ini menyebabkan mereka juga kerap mencampurkan kata-kata bahasa Inggeris tersebut ke dalam penulisan mereka.

Tambahan pula, akronim bahasa Inggeris seperti 'MTV' dan 'CCTV' adalah mudah diingat dan ditulis, maka ini lebih mudah diterima oleh masyarakat umum lalu digunakan. Oleh sebab kekerapan penggunaan akronim-akronim bahasa Inggeris tersebut dalam kehidupan seharian adalah tinggi, maka kebanyakan pengguna bahasa dapat mengingatnya dan biasa dengannya. Ini menyebabkan kata-kata tersebut diserap ke dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu dan dicampurkan ke dalam ayat-ayat bahasa Melayu.

Penutup

Penggunaan bahasa rojak ialah fenomena biasa bagi semua masyarakat di dunia. Penutur yang boleh berbahasa lebih daripada satu, tidak kira bahasa utama atau dialek-dialek daerah secara sadar atau tidak akan mencampurkan bahasa-bahasa yang diketahuinya mengikut situasi semasa. Ia kadang kala menambah mesra perhubungan antara satu sama lain, apabila percampuran bahasa digunakan. Walau bagaimanapun kalau ragam bahasa rojak tidak disekat, ia akan berkembang dan akan menjadi bahasa kacukan yang tarafnya sama dengan bahasa Kreol atau bahasa Pijin. Kalau ia terjadi, orang Melayu akan hilang alat yang penting bagi kemajuan pendidikan, fikiran, ilmu dan budaya mereka.

Rujukan

- Asmah Haji Omar. 2007. Taksonomi pertemuan bahasa, di mana letaknya bahasa rojak?. Kertas kerja Seminar Bahasa Rojak. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Dewan Seminar Menara DBP. 18-19 Julai.
- Awang Sariyan. 2006. Bahasa kacukan: Antara realiti sosiolinguistik dengan idealisme perancangan bahasa. *Jurnal Bahasa* 6(1): 541-560.

Awang Sariyan. 2004. *Sekitar Isu Bahasa Rojak: Punca, Kesan dan Kaedah Menangani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Sariyan. 2005. *Hakikat Bahasa dan Realisasi Fungsinya dalam Pembinaan dan Penakatan Tamadun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Persatuan Linguistik Malaysia

Hassan Ahmad. 2007. Kecelaruhan bahasa dari faktor dalaman. Kertas kerja Seminar Bahasa Rojak. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Dewan Seminar Menara DBP. 18-19 Julai.

Munif Zariruddin Fikri Nordin. 2007. Campur aduk bahasa Melayu – bahasa Arab. Kertas kerja Seminar Bahasa Rojak. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Dewan Seminar Menara DBP. 18-19 Julai.

Mohd Ridhuan Tee Abdullah. 2007. Bahasa berkesan syarahan agama. Kertas kerja Seminar Bahasa Rojak. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Dewan Seminar Menara DBP. 18-19 Julai.

Nik Safiah Karim et.al. 1997. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nuraini Yusuf et.al. 2007. Bahasa rojak dalam rancangan hiburan: Sulaman yang ngeran. Kertas kerja Seminar Bahasa Rojak. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Dewan Seminar Menara DBP. 18-19 Julai.

Teo Kok Seong. 2006. Kerancuan bahasa dalam bahasa Melayu, *Jurnal Bahasa* 6(4): 697-712.

Teo Kok Seong. 2007. Motivasi untuk percampuran bahasa / bahasa rojak. Kertas kerja Seminar Bahasa Rojak. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Dewan Seminar Menara DBP. 18-19 Julai.



ALSA UM Moots Competition

Pada 27 April 2012, Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) telah menghantar satu pasukan yang melibatkan 15 orang pelajar FUHA dari ALSA UniSZA untuk menyertai pertandingan *ALSA Universiti Malaya (UM) Moot Competition*. Pertandingan ini diadakan di UM. Peserta UniSZA diiringi oleh Encik Abdul Majid Hafiz Mohamed, pensyarah FUHA.

Di samping memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar FUHA mengenai *mooting*, pertandingan ini juga membuka peluang kepada para pelajar untuk menyertai pertandingan *mooting* bertaraf antarabangsa. Selain itu, ia dapat mengasah bakat para pelajar dan menguji kemahiran dalam menganalisa sesuatu kes.

Pertandingan seperti ini diharapkan dapat memberi pendedahan kepada para pelajar FUHA berkenaan penggunaan dan penguasaan undang-undang dalam penyelesaian konflik yang melanda dunia disamping membina pemikiran kritis dan kreatif dalam mengatasi krisis undang-undang masa kini.



Festival Dekon MAKUM 2012

Dekon merupakan singkatan daripada perkataan deklamasi dan lakon. Ianya bermaksud melakonkan atau menzhahirkan sajak, cerita, madah atau seumpamanya ke dalam bentuk pementasan. Proses penyampaian cerita itu boleh disampaikan dalam pelbagai bentuk pengucapan seperti monolog, ucap dekonis (dialog), solikoki serta terdapatnya elemen-elemen seperti yang terdapat pada persembahan tradisional Melayu seperti bangsawan, syair, puisi, gurindam, nazam, tok dalang, tok selampit, mak yong dan lain-lain. Apabila unsur-unsur yang berirama dimasukkan sebagai pelengkap dalam persembahan Dekon, ia akan kelihatan lebih sempurna dan menghiburkan.

Susulan daripada itu, seramai enam orang pelajar dari Kelab Teater UniSZA di bawah kendalian Pusat Seni dan Warisan (PSW) telah menyertai Festival DEKON MAKUM 2012 yang dianjurkan oleh Sekretariat MAKUM Universiti Malaysia Sabah (UMS). Festival ini diadakan pada 25-30 Jun 2012 di Dewan Resital, Sekolah Pengajian Seni, UMS. Sebelum menyertai festival, semua peserta terlebih dahulu telah mengikuti Bengkel Penulisan Skrip Dekon MAKUM dan Taklimat Penilaian Dekon MAKUM.

Kelab Teater UniSZA yang mempertaruhkan karya *Masnaneg* berjaya memenangi hati juri dengan menerima Anugerah Khas Juri dan naib johan bagi kategori skrip terbaik. *Masnaneg* mengisahkan tentang seorang gadis kaum Maridi yang menentang pembalok-pembalok haram yang berleluasa mencerooboh hutan, selain merogol anak-anak gadis suku kaumnya.



Hari Inovasi 2012

Naib Canselor UniSZA, Dato' Profesor Dr. Alias Daud telah menyempurnakan perasmian Hari Inovasi 2012 yang berlangsung di Cindai Ballroom, Ri-Yaz Heritage Marina Resort & Spa, Pulau Duyong pada 27 Jun 2012 yang bertujuan untuk meraikan seramai 107 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2011. Para penerima terdiri daripada staf akademik dan bukan akademik, dari pelbagai jawatan dan gred. Majlis ini merupakan pengiktirafan universiti atas daya usaha, dedikasi dan komitmen staf yang telah membuktikan kecemerlangan masing-masing dengan menghasilkan mutu kerja yang melebihi keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya.

Dato' Profesor Dr Alias Daud, dalam ucapan perasmianya berharap supaya kecemerlangan yang ditunjukkan oleh penerima-penerima anugerah pada hari ini dikekalkan dan berterusan supaya dapat dicontohi oleh lain-lain staf. Beliau turut menekankan masalah disiplin dalam kalangan staf yang mendatangkan banyak kerugian kepada universiti.



Ponteng kerja merupakan masalah utama yang sering dilakukan oleh staf dan berakhir dengan tindakan pembuangan kerja. Beliau berharap agar setiap staf menilai dan menyedari tanggungjawab terhadap diri, keluarga, universiti dan negara supaya perkara ini dapat dikawal dan dibendung.

Majlis ini turut dimeriahkan dengan penyampaian Sijil Perkhidmatan Cemerlang (SPC) kepada setiap Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) bagi mewakili staf di PTj masing-masing. Seramai 966 orang staf telah dianugerahkan SPC berdasarkan kepada prestasi kerja yang cemerlang sepanjang tahun 2011.

Buat julung kalinya pada tahun ini, UniSZA memperkenalkan Sijil Sifar Cuti Sakit khusus bagi menghargai seramai 340 orang staf yang tidak pernah mengambil cuti sakit sepanjang tahun 2011. Secara tidak langsung, anugerah yang diperkenalkan ini bertujuan untuk menggalakkan staf supaya mengamalkan budaya hidup sihat dalam kehidupan seharian.

Kemuncak kepada majlis ini ialah pelancaran jurnal UniSZA iaitu *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* terbitan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) serta *Journal of Agrobiotechnology* terbitan Fakulti Pertanian dan Bioteknologi (FPB).



Pameran ITEX 2012

UniSZA terus melakar kejayaan yang sangat bermakna menerusi penyertaan buat kali pertama dalam International Invention, Innovation Industrial Design and Technology Exhibition (ITEX). UniSZA telah menghantar empat produk bagi menyertai ITEX ke 23, 2012 dan Asian Young Inventor Exhibition (AYIE) 2012 yang berlangsung selama tiga hari bermula 17-19 Mei 2012 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dengan berjaya memperolehi pingat bagi semua produk tersebut iaitu satu pingat perak dan tiga pingat gangsa.

Pingat perak disumbangkan melalui produk *mobile epilepsy educational system (MEES) for people with epilepsy* hasil penyelidikan Dr. Lua Pei Lin, Neni Widiasmoro Selamat dan Syaiful Hisyam Saleh daripada Pusat Kajian Klinikal dan Kualiti Hidup.

Tiga pingat gangsa pula disumbangkan oleh para penyelidik dari Fakulti Informatik melalui produk Iqra' IT, i-Interview dan E-Masjid. Iqra' IT adalah hasil penyelidikan Suhailan Safei, Wan Mohd Rizhan Wan Idris, Mat Atar Mat Amin dan Ahmad Nazari Mohd Rose, i-Interview dihasilkan



oleh Suhailan Safei, Fadhilah Ahmad, Engku Fadzli Hasan, Syarifah Nurulhusna Syed Mohd Taha dan Fatimah Ghazali, manakala E-Masjid pula hasil penyelidikan Mohd Kamir Yusof, Mohd Nordin Abdul Rahman dan Mat Atar Mat Amin.

Sebanyak hampir seribu produk dipertandingkan dalam ITEX 2012 melibatkan penyertaan dari dalam dan luar negara yang terdiri daripada sekolah-sekolah, institusi pengajian tinggi, agensi kerajaan dan juga swasta.

Diharapkan dengan perolehan pingat dalam pameran ini menjadi pemangkin kepada para penyelidik untuk terus mengharumkan nama UniSZA melalui penyelidikan yang dijalankan.

UniSZA Mewakili Malaysia ke Dublin

Kejayaan Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) menjuarai pertandingan *Tan Sri Harun M. Hashim National Client Consultation Competition 2012* di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah melayakkan FUHA mewakili Malaysia ke pertandingan *Louis M. Brown and Forrest S. Mosten International Client Consultation Competition 2012* di Dublin Ireland.

Pertandingan ini berlangsung dari 16-26 April 2012. Pasukan FUHA diwakili oleh Waafini Mohd Pardi dan Quay Wei Li Vivien, masing-masing pelajar tahun empat dan tahun tiga Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan kepujian. Pasukan tersebut dilatih sendiri oleh Dekan FUHA, Encik Mohd Fuad Husaini. Sebanyak 22 juara kebangsaan mewakili negara masing-masing iaitu Australia, Kemboja, Kanada, China, England & Wales, Finland, Jerman, India, Indonesia, Ireland, Jamaica, New Zealand, Nigeria, Ireland Utara, Puerto Rico, Rusia, Scotland, Sri Lanka, Netherlands, Turkey, Amerika Syarikat dan Malaysia.

Tema pertandingan ini adalah *Employers – Employees* dan tujuan pertandingan ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada pasukan UniSZA, Malaysia merasai pengalaman bertanding dengan pasukan negara lain. Selain itu, ia untuk menggalakkan pelajar undang-undang untuk mengambil bahagian dalam pertandingan dan untuk



mengasah kemahiran insaniah mereka sebagai peguam bela dan peguamcara.

Secara keseluruhan pasukan FUHA mendapat tempat ke-14 daripada 22 buah negara dengan mengalahkan Australia, England & Wales, Jamaica, Rusia, Finland, Indonesia dan Sri Lanka. Walaupun pasukan Malaysia tidak menjadi juara, pencapaian tersebut harus dibanggakan kerana ini merupakan penyertaan kali pertama bagi FUHA dalam pertandingan di peringkat antarabangsa.

Dua Pelajar Siswazah FPSK Menang Anugerah

Dua orang pelajar siswazah yang sedang mengikuti pengajian di Pusat Kajian Klinikal dan Kualiti Hidup (PKKKH), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah berjaya memenangi dua anugerah untuk penyelidikan masing-masing baru-baru ini.

Pelajar Doktor Falsafah dalam bidang Tingkah Laku Kesihatan, Neni Widiomoro Selamat telah memenangi pingat perak di 23rd International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX 2012) yang diadakan di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) pada 17 hingga 19 Mei 2012 yang lalu.

Inovasi kajian beliau yang bertajuk *Mobile Epilepsy Educational System (MEES) for People with Epilepsy in Malaysia* telah dipilih untuk menerima anugerah dalam Kategori Pendidikan dan merupakan sebahagian daripada projek penyelidikan beliau yang bertujuan untuk mempromosikan pendidikan kesihatan bagi pesakit sawan melalui penggunaan teknologi komunikasi terkini.

Sementara itu, seorang lagi pelajar sarjana Tingkah Laku Kesihatan, Nor Samira Talib pula meraih tempat kedua bagi pembentangan lisan dalam kategori Kesihatan Komuniti di 17th National Conference on Medical and Health Sciences yang berlangsung pada 27 hingga 28 Mei 2012 di Universiti Sains Malaysia, Kampus Kubang Kerian, Kelantan.

Menerusi pembentangan bertajuk *Auricular Acupuncture for Drug Addiction Treatment: Assessment of*



Patients' Acceptability and Withdrawal Symptoms After Treatment, beliau berjaya mengalahkan 36 orang peserta lain dalam kategori yang sama. Sebahagian besar daripada penyelidikan peringkat sarjana beliau adalah bertujuan mengkaji kesan rawatan akupunktur untuk masalah ketagihan dadah serta impak-impak sosialnya yang masih membelenggu masyarakat kita.

Sementara itu, Neni ketika ditemui berkata, selain sikap positif dan kecekalan yang kental, bimbingan dan tunjuk ajar penyelia serta doa keluarga amatlah penting dalam mengharungi cabaran serta kekangan yang datang dalam pelbagai bentuk.

Menurut Nor Samira pula, kejayaan ini juga adalah berkat usaha yang tidak pernah kenal perit jerih bersama sokongan padu penyelia dan sahabat-sahabat seperjuangan dalam proses pembelajaran selama ini. Kemenangan ini diharapkan dapat memberikan motivasi serta dorongan kepada para pelajar siswazah yang lain untuk terus fokus ke arah kecemerlangan.

UniSZA Juara Eksplorasi Ilustrasi Puisi MAKUM 2012

Kelab Pantun UniSZA yang dikendalikan oleh Pusat Seni dan Warisan telah muncul juara dalam Program Eksplorasi Ilustrasi Puisi MAKUM 2012 yang diadakan pada 19 hingga 23 Mei 2012 bertempat di sekitar Kampung Titingan, Tawau, Sabah.

Program yang dianjurkan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM) ini bertujuan menarik minat Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia untuk berkecimpung dalam dunia kesenian terutamanya seni ilustrasi dan pembacaan puisi.

Menerusi tema 'Ilustrasi Puisi Merealisesi Imajinasi Satu Malaysia,' Karya dari UniSZA telah berjaya memikat hati juri untuk muncul juara. Karya tersebut dipamerkan di Dewan Perbandaran Tawau pada 22 Mei 2012 untuk tatapan orang awam.

UniSZA diwakili oleh Mohd Husaini Mohamad Rofi dari Fakulti Pengurusan Perniagaan & Perakaunan (FPPP) dan Syakirin Hafizin Mohamad dari Fakulti Rekabentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT). Mereka berjaya membawa pulang hadiah berupa wang tunai sebanyak RM1,000.00 dan sijil penyertaan.



UniSZA Juara Pertandingan Konsultasi Rundingan Pelanggan Kebangsaan 2012

10 Mac 2012, USIM - Buat pertama kalinya, UniSZA muncul sebagai juara dalam Pertandingan Konsultasi Rundingan Pelanggan Harun M Hashim 2012, yang telah diadakan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) baru-baru ini. Pasukan UniSZA telah diwakili oleh pelajar dari Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa, Waafini Mohd Pardi dan Quay Wei Li Vivien dan telah dilatih oleh Dekan fakulti.

Rundingan Pelanggan adalah satu teknik undang-undang pencegahan yang diajar kepada pelajar-pelajar undang-undang di sekolah undang-undang yang terkemuka di Amerika Syarikat, Australia, United Kingdom, Afrika Selatan dan India. Dua orang pelajar undang-undang memainkan peranan peguam yang mengalu-alukan pelanggan ke pejabat mereka.

'Peguam' dinilai pada kemahiran mereka dalam mengendalikan klien serta masalah pelanggan. Rundingan pelanggan adalah lebih daripada menemuduga pelanggan. Selain daripada memberi nasihat undang-undang yang sewajarnya, penekanan khas diletakkan atas keupayaan peguam untuk memasukkan 'kemahiran kaunseling' ke dalam sesi tersebut. Pertandingan Konsultasi Rundingan Pelanggan Kebangsaan adalah untuk memilih satu pasukan untuk mewakili Malaysia ke Pertandingan Konsultasi Rundingan Pelanggan Antarabangsa Louis M. Brown dan Forrest S Morten 2012 yang akan diadakan di Dublin, Ireland pada bulan April 2012.

Bagi pusingan awal, para peserta dikehendaki untuk menjalani 2 sesi perundingan pelanggan. Pusingan

awal ini adalah untuk menentukan dua pasukan teratas untuk pergi ke pusingan akhir, di mana pasukan UniSZA terpaksa menghadapi juara bertahan dari Universiti Utara Malaysia. Walau bagaimanapun, dengan keyakinan dan profesionalisme yang luar biasa, pasukan UniSZA akhirnya diumumkan sebagai juara bagi pertandingan tersebut lantas berhak untuk mewakili Malaysia di peringkat antarabangsa. Ini adalah kali pertama, pasukan UniSZA telah meraih tempat teratas dalam apatah lagi keluar menang sebagai juara dalam pertandingan itu. Piala kemenangan telah disampaikan oleh Profesor Dr Hajah Mustafa Mohd Hanefah, Dekan Penyelidikan dan Inovasi, USIM.

Viva Voce Examination

Doctor of Philosophy

13 May 2012 – Mohd Lokmal Ngah defended his thesis titled 'Genotype and Environment Interaction and Genotypic Stability in Growth and Wood Properties of *Acacia Mangium*' in front of Professor Dr. Mohamad Osman and Dr. Masahuling Benong as external examiners, Assoc. Professor Dr. Hasbullah Haji Mohamad as internal examiner and Professor Dr. Mat Zakaria as the chairman.

Masters

2 April 2012 – Zakiah Mustapha defended her thesis titled 'Initial Development of Micropropagation and Phytochemical Studies of *Ficus Deltoidea* Jack Var. Kunstleri (King) Corner' in front of Assoc. Professor Dr. Maheeran Abd. Aziz as external examiner and Assoc. Professor Dr. Abdul Ghani Yunus as internal examiner. The session was chaired by Professor Dr. Mat Zakaria.

3 April 2012 – Siti Aishah Abu Bakar defended her thesis titled 'Apoptosis Induction of Newcastle Disease Virus Strain AF2240 on Mouse Myelomonocytic Leukaemia (WEHI-3B) and Human Promyelocytic Leukaemia (HL60) Cells' in front of Assoc. Professor Dr. Noorjahan Banu Alitheen as external examiner and Dr. Khamsah Suryati Mohd as internal examiner. The session was chaired by Assoc. Professor Dato' Dr. Azahar Idris.



23 April 2012 – Nor Azma Rahlin defended her thesis titled '*Penentu Keselamatan Pekerjaan dalam Industri Pembuatan Automotif Nasional: Kajian Kes di Kilang Produa Corporation Sdn. Bhd. Rawang, Selangor Darul Ehsan*' in front of Assoc. Professor Dr. Mohd Shaladdin Muda as external examiner and Dr. Ahmad Azrin Adnan as internal examiner. The session was chaired by Dr. Wan Norhayate Wan Daud.

23 April 2012 – Dhiya Dalila Zawawi defended her thesis titled 'Effect of Plant Growth Regulators on Callus Induction and Determination of Antioxidant Properties of *Barringtonia racemosa* and *Barringtonia spicata*' in front of Assoc. Professor Dr. Norihan Mohd Salleh as external examiner and Assoc. Professor Dr. Yeo Chew Chieng as internal examiner. The session was

chaired by Assoc. Professor Dr. Abdul Ghani Yunus.

10 June 2012 – Amr Kebbe defended his thesis titled 'Tatwir Adat Al-Tamwil Al-Musyarakah Fi Muwajahah Azmah Al-Bitalah' in front of Professor Dr. Joni Tamkin Borhan as external examiner and Dr. Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali as internal examiner. The session was chaired by Assoc. Professor Dr. Basri Ibrahim.

24 June 2012 – Maslina Mansor defended her thesis titled '*Stres Kerja dalam Kalangan Polis di Daerah Kuala Terengganu*' in front of Assoc. Professor Dr. Wan Abd. Aziz Wan Mohd Amin as external examiner and Dr. Wan Norhayate Wan Daud as internal examiner. The session was chaired by Assoc. Professor Dr. Ahmad Shukri Yazid.



Program Sukarelawan Pelajar UniSZA bersama Taman Sinar Harapan

Aktiviti kesukarelawan menceriakan Taman Sinar Harapan ini merupakan salah satu program kebajikan di kelolakan oleh Program Dietetik UniSZA sesi 2011/2012. Program ini dijayakan dengan kerjasama erat oleh Taman Sinar Harapan dan disokong oleh penasihat pelajar (mentor) dietetik.

Program ini diadakan pada 19 Mei 2012 bersamaan dengan hari Sabtu bermula dari jam 9.00 pagi hingga 3.00 petang. Seramai 53 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Dietetik tahun 1 dan 2 Universiti Sultan Zainal Abidin beserta dua orang pensyarah pengiring yang merupakan mentor pelajar dietetik iaitu Encik Mohd Adzim Khalili Rohin dan Puan Norhayati Abd Hadi telah turut serta bagi menjayakan program ini. Program satu hari ini bertujuan untuk menceriakan Taman Sinar Harapan. Blok yang terlibat dalam kerja amal

ini ialah blok kanak-kanak lelaki dan perempuan. Para peserta diberikan kebebasan dalam melakar lukisan mural mengikut kreativiti masing-masing.

Objektif utama program ini adalah memupuk nilai-nilai insaniah dalam diri para peserta. Program ini juga memfokuskan tentang peranan generasi muda khususnya golongan terpelajar dalam kehidupan bermasyarakat yang saling tolong-menolong. Antara pencapaian positif program ini ialah memberi pendedahan kepada pelajar dietetik tahun 1 dan 2 mengenai kepentingan hidup bermasyarakat yang saling tolong-menolong, menjalin kerjasama antara UniSZA dan Taman Sinar Harapan, merapatkan jurang antara mahasiswa dengan masyarakat, membentuk kemahiran insaniah dalam diri mahasiswa/i dietetik dan membentuk

budaya kerja dan hubungan yang positif sesama mahasiswa/i dietetik.

Para peserta program memberikan kerjasama yang amat baik. Antara maklum balas peserta mengenai program ini adalah program ini bagus kerana dapat mengeratkan mahasiswa dengan masyarakat yang memerlukan dan membentuk mahasiswa prihatin. Program ini dapat mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah dan dapat membantu menceriakan Taman Sinar Harapan.

Taman Sinar Harapan mengucapkan ribuan terima kasih atas keprihatinan mahasiswa UniSZA yang sanggup menghulurkan bantuan. Pihak Taman Sinar Harapan juga berharap agar kerjasama ini akan berlanjutan. Secara keseluruhannya, program ini memberikan impak positif kepada mahasiswa dan masyarakat.

Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Graduan 2012

Pusat Keusahawanan telah menghantar seramai 40 orang pelajar UniSZA untuk menyertai Karnival Kerjaya dan Keusahawanan 2012 yang diadakan di PWTC, Kuala Lumpur. Program ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar dengan peluang kerjaya dan pelajar juga berpeluang untuk memperolehi tips penyediaan resume. Seramai 40 orang pelajar UniSZA telah menyertai program yang sangat bermanfaat ini. Lebih 350 agensi/syarikat seperti Al-Rajhi Bank, Media Prima Bhd., Celcom, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Angkatan Tentera Malaysia (ATM), menawarkan pelbagai jawatan kosong serta peluang keusahawanan sepanjang karnival ini. Selain sesi temuduga secara *on-the-spot*, turut diadakan klinik resume dan juga forum-forum kerjaya dan keusahawanan dengan personaliti terkenal seperti Dato' Mokhzani Tun Dr. Mahathir, Khairy Jamaludin, Norman KRU, Ahmad Idham, Ana Rafali dan lain-lain, termasuk KSU KPT, Datuk Ab. Rahim Md. Noor sendiri.



Kem Ibadat Remaja Islam

Seramai 32 orang peserta telah menyertai Kem Ibadat Remaja Islam (KIRIm), yang diadakan selama empat hari tiga malam iaitu dari 3 Jun hingga 6 Jun 2012. Kem ini diadakan di Tapak Perkhemahan Pusat Kokurikulum UniSZA, Merang, Setiu. Kem ini diadakan adalah bertujuan untuk menghimpunkan anak-anak warga UniSZA dan masyarakat setempat bagi mengeratkan hubungan silaturrahim. Di samping itu juga, program ini di adakan adalah bertujuan untuk mempergiatkan minat anak-anak remaja ke arah merakyatkan masjid dengan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat. Kem ini telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya atas khidmat bantuan lapan orang fasilitator dan tiga orang urusetia. Semoga program-program sebegini akan dapat diadakan pada masa-masa yang akan datang.



Lawatan Akademik Dietetik

Pada 11-13 April 2012 yang lalu, satu program Lawatan Akademik Dietetik ke beberapa institusi telah berlangsung dengan jayanya yang melibatkan seramai 54 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Dietetik dengan Kepujian serta diiringi oleh enam orang pensyarah dan pegawai dietetik. Antara institusi yang telah dikunjungi adalah Jabatan Dietetik dan Sajian, Hospital Ampang, Unit Perkhidmatan Makanan Majlis Sukan Negara, Pusat Pemakanan Sukan Institut Sukan Negara Malaysia dan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia. Program lawatan akademik ini dijalankan sebagai suatu keperluan pengajaran subjek Pengurusan Perkhidmatan Makanan HFS4333 dan Penilaian Status Pemakanan HFS3273. Lawatan ini telah memberi pendedahan kepada pelajar mengenai pengurusan perkhidmatan makanan di institusi berdasarkan model di salah sebuah hospital terbaik di Malaysia dan dibandingkan dengan perkhidmatan makanan untuk kumpulan khusus

seperti atlet sukan. Peluang melawat kemudahan saintifik di Pusat Pemakanan Sukan Institut Sukan Negara yang semakin berkembang juga jelas menunjukkan peranan sains dalam sukan di Malaysia. Pelajar juga telah didedahkan kepada komponen pemakanan sukan serta fungsi dietitian dalam bidang pemakanan sukan semasa lawatan. Lawatan ke Universiti Putra Malaysia pula telah berjaya meningkatkan motivasi pelajar untuk berusaha lebih gigih di tempat sendiri yang mempunyai pelbagai cabaran dari segi ruang dan kemudahan akademik. Secara umumnya, lawatan akademik seumpama ini perlu diteruskan bagi pengajaran dan pembelajaran yang interaktif dari bilik kuliah ke kawasan lapangan untuk aksi sebenar. Langkah ini juga merupakan usaha menambah nilai pelajar Dietetik Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UniSZA bagi meningkatkan kebolehpasaran pelajar.

Lawatan Perkongsian SIFE UNiSZA bersama SIFE UiTM



Student in Free Enterprise (SIFE) UNiSZA telah mengadakan lawatan perkongsian bersama SIFE UiTM pada 20 dan 21 April 2012 bertempat di MASMED, UiTM. Tujuan program ini diadakan adalah untuk berkongsi ilmu dengan SIFE UiTM mengenai program-program yang akan dijalankan. Wakil SIFE dari UniSZA membentangkan program-program kebajikan yang bakal mereka jalankan. Setiap program akan diberi respons dan komen dari wakil SIFE UiTM. Mereka diberikan bimbingan tentang cara untuk melakukan program dengan betul. Banyak ilmu pengetahuan yang telah diperoleh sepanjang mereka mengikuti program ini. Perkongsian maklumat ini memberi satu peluang dan ruang kepada semua peserta yang terlibat untuk meningkatkan prestasi dan memastikan setiap program yang dijalankan dapat dilaksanakan mengikut objektif dan matlamat yang ditetapkan.

Lawatan sambil belajar ke Pusat Darah Negara dan Hospital Serdang

Pada 1-3 Mac yang lalu, seramai 35 orang pelajar dan staf pengiring telah mengikuti satu lawatan sambil belajar pelajar tahun akhir jurusan Diploma Teknologi Makmal Perubatan (DTMP - UniSZA) yang telah diadakan di Kuala Lumpur. Terdapat dua tempat yang dikunjungi pelajar iaitu Pusat Darah Negara (PDN) dan Hospital Serdang.

Setiba di PDN, para pelajar diberikan taklimat oleh Pegawai Pendidikan Kesihatan PDN, Yessy Octavia Misdi mengenai latar belakang dan objektif penubuhan PDN. Seterusnya para pelajar dan staf pengiring dibawa melawat ke setiap unit makmal kendalian PDN antaranya makmal saringan darah, makmal hemostasis, makmal saringan darah korda dan sebagainya. Di akhir lawatan, beberapa pelajar dan staf pengiring menjalani sesi derma darah dan sesi lawatan diakhiri dengan penyampaian cenderahati buat warga PDN.

Lokasi seterusnya, para pelajar dan staf pengiring dibawa ke Hospital Serdang yang terletak bersebelahan dengan Universiti Putra Malaysia (UPM). Para pelajar dibawa melawat ke unit makmal diagnostik Hospital Serdang dan didedahkan dengan kemudahan dan kelengkapan makmal canggih hospital. Antara unit makmal yang telah dilawati ialah makmal histopatologi, makmal mikrobiologi, makmal biokimia dan sebagainya.

Diharapkan agar lawatan ini memberikan pendedahan yang meluas mengenai bidang kerjaya Juruteknologi Makmal Perubatan dalam persediaan menempuh dunia kerjaya kelak.

Majlis Menandatangani MoU Antara UniSZA dengan Mesiniaga Berhad

Pada 8 Julai 2012, bertempat di Dewan Konvensyen, Pusat Dagangan Terengganu, majlis menandatangani MoU antara UniSZA dengan Mesiniaga Berhad telah berlangsung sempena Seminar T-REKA yang dianjurkan oleh Pusat Reka Bentuk dan Multimedia. Antara pihak yang hadir untuk menandatangani MoU ini ialah Naib Canselor UniSZA, Dato' Prof. Dr. Alias Daud, Dekan Fakulti Informatik, Prof Madya Dr. Mohd Nordin Abdul Rahman, Ketua Pusat Hubungan dan Latihan Industri, Dr. Saiful Bahri Mohamed dan Pengurus Besar Sumber Manusia, Mesiniaga Berhad, Puan Nurharyati Hisham.

Fokus utama MoU ini adalah untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang teknologi maklumat (IT) antara pihak Fakulti Informatik, UniSZA dengan Mesiniaga Berhad yang merangkumi penempatan latihan industri pelajar, sangkutan industri pensyarah, program pertukaran staf dan program pemindahan teknologi.



Misi Khidmat Komuniti (MIKOM) 2012

Satu program khidmat masyarakat Misi Khidmat Komuniti (MIKOM) 2012 Menilai Status Kesihatan dan Pemakanan Penduduk di Pulau Perhentian telah dianjurkan oleh Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UniSZA melalui Dietetic Students Association (DECSA) dengan kerjasama Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Terengganu. Program ini telah berlangsung selama 3 hari 2 malam bermula 28 30 Mac 2012 di Pulau Perhentian Kecil, Besut, Terengganu.

Program ini telah disertai oleh seramai 34 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Dietetik (Kepujian) tahun tiga, seramai lapan orang pensyarah dan kakitangan FPSK serta 2 orang staf Pusat Kesihatan Pelajar UniSZA. Turut menyertai program julung kali ini ialah Dekan FPSK, Profesor Dato' Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif. Pelbagai aktiviti bersama warga penduduk Pulau Perhentian Kecil telah diadakan, antaranya adalah Ceramah Kesihatan, kuliah Subuh dan kuliah Maghrib yang disampaikan Dekan FPSK.

Pendidikan Kesihatan mengenai penyakit diabetes, darah tinggi, jantung dan gout disampaikan melalui pemeriksaan kesihatan percuma yang diadakan selama tiga hari sepanjang

MIKOM 2012. Selain itu, para pelajar dietetik juga mengambil peluang menunjukkan bakat sambil memberi pendidikan mengenai pemakanan dan memasak secara sihat kepada penduduk Pulau Perhentian melalui demonstrasi Dapur Masakan Sihat serta Jimat. Program kali ini juga turut diselitkan dengan sesi rawatan, pemeriksaan kesihatan dan kaunseling pemakanan ke rumah pesakit-pesakit kronik (diabetes, darah tinggi, jantung dan gout). Ianya dijalankan bagi mengenalpasti masalah kesihatan yang dialami oleh penduduk pulau dan memberikan rawatan serta bantuan makanan kepada mereka yang kurang upaya.

Pada hari kedua program sesi pemeriksaan kesihatan percuma dan ceramah pendidikan kesihatan diteruskan. Pada masa yang sama, bengkel motivasi bersama pelajar-pelajar Sekolah Rendah Kebangsaan Pulau Perhentian dikendalikan oleh mahasiswa dietetik dan memfokuskan kepada para pelajar yang bakal menduduki peperiksaan UPSR. Di sebelah petang, aktiviti riadah dan sukan diadakan bersama penduduk kampung bagi menggalakkan aktiviti fizikal. Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah pertandingan

futsal, sukaneka kanak-kanak dan 'explorace'. Di sebelah malam pula, program diisi dengan slot kuliah Maghrib dan Forum Perdana bertajuk Cabaran dan Isu Semasa Mengenai Akidah Umat Islam di Malaysia yang disampaikan oleh empat orang panel yang diundang khas daripada Pusat Islam UniSZA iaitu Ustaz Kamarudin Awang Mat, Ustaz Suhaimi Mohamad dan Ustaz Zulkeefli Awang serta seorang panel dari PERKIM Malaysia, Ustaz Mohd Fadzli Mohd Yusof. Forum Perdana ini mendapat sambutan yang memberangsangkan dan dihadiri kira-kira 200 orang penduduk setempat.

MIKOM 2012 mendapat sambutan dan sokongan daripada banyak pihak kerana keistimewaannya menggabungkan dua elemen penting iaitu kesihatan dan kerohanian dalam memberi pendidikan serta khidmat kepada masyarakat. Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan dengan jayanya dan menepati objektif yang ditetapkan. Diharap program sebegini dapat diteruskan pada masa hadapan dengan penambahbaikan serta kerjasama daripada agensi lain bagi memantapkan lagi pengisian program.

Pameran Inovasi@UMT 2012

UniSZA telah menyertai pameran sempena Program Inovasi@UMT 2012 pada 14 – 15 Mei 2012 di Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Majlis ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Sains) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Profesor Datin Paduka Dr Khatijah Mohd Yusoff. Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains & Teknologi dan Sumber Manusia negeri, Tuan Haji Ahmad Razif Abd Rahman; Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UMT, Profesor Dr. Noor Azhar Mohamed; Ketua-ketua agensi korporat dan Ketua-ketua jabatan.

Dalam pameran ini, para penyelidik dan para pelajar sekolah dari pelbagai bidang kepakaran mempamer hasil inovasi, rekacipta dan kreativiti masing-masing. Sebanyak



lapan produk daripada UniSZA telah dipamerkan iaitu tiga produk daripada Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (*Auricular Acupuncture as an Adjunct to Methadone Maintenance Treatment (MMT): Effects on Relapse Rate, Methadone Dose and Smoking Habit, the Impact of Epilepsy Education Module on Health-Related Quality of Life (HRQoL) Profile of Epilepsy Patients in Rural Areas* dan the *HIV MTAC: Association of Drug Adherence & Satisfaction towards Pharmaceutical Care Services*).

Tiga produk daripada Fakulti Informatik turut dipamerkan iaitu Haji, *Panorama Terra, Home Decor Life Panorama* dan *Panorama Taman Tamadun Islam "Pano TTI"*. Selain itu, satu produk disumbangkan oleh Fakulti Rekabentuk Inovatif dan Teknologi iaitu *Electric Canting 'From Traditional to Modern'*. Diharapkan melalui pameran ini dapat menyemarakkan budaya inovasi dan kreativiti dalam usaha mengharumkan nama UniSZA.

Penempatan Sambil Belajar Staf UAD UMK di UAD UniSZA

UAD UniSZA telah berbesar hati menerima penempatan sambil belajar seorang staf UAD Universiti Malaysia Kelantan (UMK) iaitu Puan Rahayu Abdullah selama dua minggu untuk mempelajari lebih mendalam pengauditan sektor awam. UAD UMK baru ditubuhkan pada 1 Mac 2012 yang lalu dan memerlukan latihan bagi memantapkan pengetahuan staf UMK dalam bidang pengauditan sektor awam.

Dalam ucapan jamuan perpisahan yang diadakan pada 14 Jun 2012, Ketua UAD, Puan Aizam Awang menyatakan di samping perkongsian maklumat antara dua universiti, adalah diharapkan jalinan kerjasama serta hubungan dua hala diantara UniSZA dan UMK dapat diteruskan dari semasa ke semasa.



Program Bumi Hijau dan Keceriaan Pusat Pemulihan dalam Komuniti

Pada 23 Mei 2012 yang lalu, seramai 45 orang pelajar tahun dua dan tahun tiga Program Dietetik, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (UniSZA) buat julung kalinya telah menyertai Aktiviti Mentor Mentee: Program Bumi Hijau dan Keceriaan Pusat Pemulihan dalam Komuniti (PDK) Batu Rakit, Kuala Terengganu. Program ini telah berlangsung dengan jayanya dan melibatkan kesemua mentee dibawah bimbingan Encik Mohd Adzim Khalili Rohin, Encik Abbe Maleyki Mhd Jalil dan Puan Norhayati Abd Hadi.

Antara aktiviti yang dilakukan adalah melukis mural, menceriaikan PDK Batu Rakit, menanam pokok herba dan sayuran, membersihkan kawasan PDK Batu Rakit serta memasak bersama ibu bapa dan warga kerja PDK Batu Rakit. Program

ini telah dirasmikan oleh Profesor Dr. Zabidah Ismail yang mewakili Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), UniSZA dengan kehadiran Pengerusi PDK Batu Rakit, Tn Haji Abdul Razak Awang dan Pegawai Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Terengganu, Tuan Haji Che Ayob Othman.

Selain itu juga, program ini turut mendapat sokongan dan kerjasama daripada Fakulti Pertanian dan Bioteknologi (UniSZA), Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (UniSZA), Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu, Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Terengganu, Jabatan Pertanian Daerah Kuala Terengganu, Berita Harian dan Harian Sinar.

Program Desa Warisan Bangsa



Persatuan Mahasiswa Fakulti Informatik dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar UniSZA dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEPA) telah berjaya menganjurkan Program Desa Warisan Bangsa yang bertempat di Kampung Pecah Rotan, Batu Rakit, Terengganu pada 18 dan 19 Mei 2012.

Program ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Haji Mohd Jidin Shafee, selaku Ahli Parlimen Setiu merangkap Ahli Lembaga Pengarah Universiti. Objektif utama program ini diadakan adalah untuk mendedahkan kepada pelajar tentang kehidupan sosial di kawasan kampung di samping menjalankan program khidmat masyarakat. Program sebegini sangat digalakkan bagi meningkatkan nilai-nilai sosial dalam diri pelajar. Di antara aktiviti yang dijalankan adalah penyerahan pelajar kepada keluarga angkat, riadah bersama dan pada malamnya diadakan jamuan BBQ bersama penduduk kampung. Aktiviti gotong-royong membersihkan tanah perkuburan dan kawasan masjid diadakan keesokan harinya diikuti dengan acara memasak beramai-ramai bersama penduduk. Kemuncaknya, majlis penutup dirasmikan oleh wakil Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEPA), Encik Rusdi Muda pada jam 3.30 petang.

Program Kursus Asas Bersama ANGKASA 2012

Pusat Keusahawanan telah mengadakan program Kursus Asas Bersama Angkatan Koperasi Kebangsaan Siswa UNiSZA (KoSiswa) yang dikelola oleh Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) pada 19 dan 21 April 2012 melibatkan 41 orang pelajar UNiSZA, bertempat di Hotel Putra, Kuala Lumpur dan 18-19 Mei 2012 melibatkan 37 orang peserta di Bukit Gambang Resort City, Pahang.

Objektif program ini adalah untuk membina jati diri dan kefahaman tentang koperasi, mendedahkan peranan dan tanggungjawab anggota terhadap koperasi, menjelaskan tentang perundangan yang termaktub dalam undang-undang koperasi dan mewujudkan anggota yang peka bagi memajukan koperasi.

Pelbagai aktiviti diadakan seperti ceramah, motivasi diri dan permainan yang mencerdaskan minda serta penerangan tentang prosedur penubuhan koperasi. Tujuan aktiviti ini dijalankan adalah untuk mengeratkan hubungan penceramah dan ahli-ahli koperasi. Sepanjang kursus ini, mahasiswa/i yang terlibat begitu teruja dengan setiap program yang diadakan.



Program Nursing Nurture and Nature (3N)

Program Nursing Nurture and Nature (3N) telah diadakan buat julung kalinya di Kampung Bukit Gerebar. Ia dianjurkan oleh pelajar Diploma Sains Kejururawatan. Pelbagai aktiviti telah diadakan antaranya ialah pemeriksaan kesihatan, ceramah kesihatan, lawatan ke rumah-rumah penduduk kampung dan gotong-royong memasak gulai kawah serta membersihkan surau Al-Hidayah.

Selain itu, sambutan hari keluarga juga yang diadakan di Peladang Agro Resort. Banyak aktiviti yang dilakukan seperti jungle tracking, rafting, malam kebudayaan dan sebagainya. Tujuan utama program (3N) ialah untuk membina semangat kerjasama dengan komuniti dan dalam kalangan pelajar. Ia juga dapat membina ketahanan fizikal dan mental para pelajar selain daripada merapatkan hubungan antara staf dan pelajar.

SME University Internship

Pusat Keusahawanan UniSZA telah menjalankan kerjasama dengan SME Corp. Malaysia bagi menjalankan program *SMEs University Internship* untuk tahun kedua (2012). Program ini melibatkan penyertaan 20 orang pelajar yang dibentuk menjadi empat kumpulan dan 11 orang pensyarah sebagai mentor. Ia merupakan program jangka masa panjang yang diadakan bermula dari bulan April hingga Julai 2012. Pelajar bertanggungjawab untuk menjadi konsultan di beberapa syarikat terpilih. Sepanjang program ini, sesi pembelajaran dan pembentangan sentiasa diadakan untuk melihat prestasi pelajar dari semasa ke

semasa. Sesi pembentangan terakhir memerlukan pelajar membentangkan hasil kerja mereka selama empat bulan. Objektif pertama program ini adalah untuk membantu meningkatkan keupayaan perniagaan dan kapasiti pengeluaran syarikat PKS serta memberi pendedahan kepada pihak PKS berkenaan amalan, teori, teknologi dan aplikasi terkini yang digunakan oleh industri masa kini. Objektif kedua pula adalah untuk menerapkan budaya keusahawanan di kalangan pelajar universiti, manakala objektif terakhir adalah untuk menjadikan universiti awam, sebagai pusat rujukan industri.



Lawatan dan Taklimat oleh Wakil Nottingham Law School, Nottingham Trent University

Pada 27 Mei 2012 Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) telah menerima kunjungan daripada dua wakil Nottingham Law School, Nottingham Trent University (NTU) iaitu Pengarah Pusat Undang-Undang, Mr. John Tingle dan Pensyarah Kanan, Ketua Program LL.B, Mr. Ryan Murray. Sempena lawatan tersebut FUHA

telah menganjurkan satu taklimat akademik yang bertajuk *Globalisation of Legal Education* untuk pelajar-pelajar FUHA. Taklimat yang diadakan untuk memberi maklumat mengenai Nottingham Law School ini telah disampaikan oleh kedua-dua jemputan tersebut dan diakhiri dengan sesi soal jawab oleh pelajar.



Lawatan Wakil Aberystwyth University



Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) telah menerima kunjungan daripada wakil Aberystwyth University iaitu Professor of Law Aberystwyth University, Profesor John Robert Williams pada 8 Julai 2012.

Satu taklimat yang bertajuk *The Development of Legal Education and Entry into Legal Profession in United Kingdom* yang telah diadakan kepada pelajar-pelajar Diploma Undang-Undang mengenai Program Undang-Undang yang wujud di Aberystwyth University. Selain itu, taklimat ini juga diadakan untuk memberi maklumat mengenai Aberystwyth University kepada pelajar-pelajar FUHA yang berminat untuk menyambung pengajian ke universiti berkenaan. Taklimat ini telah diadakan di Dewan Auditorium Perpustakaan, UniSZA Kampus Gong Badak.

PPM Delegation to the London International Book Fair (LIBF) 2012

The Librarians Association of Malaysia (PPM) has once again organized a trip to the London International Book Fair (LIBF) and visited the British Library in London, England for six days from 15th – 20th April 2012. Librarians from various institutions and agencies participated in the trip including UniSZA Chief Librarian, Puan Rohani Othman.

The main purpose of this trip was to enable librarians to make book selection, especially newly released titles. In addition, the book fair provided an opportunity for librarians to visit several libraries in the United Kingdom. Participants from various backgrounds such as authors, publishers, agents, librarians, distributors, and editors also attended LIBF2012 on the invitation of the organizers. The LIBF is also a good platform to build relationships with book publishers and exhibitors in Europe and also with other participants from various libraries and suppliers throughout Malaysia. Moreover, the book fair gave an opportunity to establish best practices benchmarking with a visit to the British Library for 'Best Library Practices for National Library Category'.

The London International Book Fair has indeed accorded memorable moments, but more importantly, it has enriched the experience and knowledge of the participants, which in turn benefits Malaysian Libraries and UniSZA.



Majlis menandatangani MoU antara UniSZA dan IPB

Naib Canselor UniSZA, Dato' Profesor Dr. Alias Daud telah menandatangani Memorandum of Understanding (MoU) dengan Rektor Institut Pertanian Bogor (IPB), Profesor Dr. Ir. Herry Suhardiyo. Majlis menandatangani MoU ini diadakan di Ruang Sidang Rektor, Gedung Andi Hakim Nasoetion Kampus IPB Darmaga, Bogor, pada 20 Jun 2012.

"Indonesia dan Malaysia adalah negara serumpun. Oleh kerana terdapat banyak persamaan antara kedua-dua negara, sudah seharusnya kerjasama boleh dijalankan untuk sama-sama meningkatkan kesejahteraan rakyatnya. Contohnya,

Indonesia dan Malaysia merupakan pengeluar utama minyak sawit mentah (CPO) dunia. Pada masa ini harga CPO dikendalikan oleh Eropah. Padahal jika kita bandingkan, harga CPO boleh dikendalikan oleh kita dan boleh untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat," ujar Rektor IPB dalam ucapannya.

Dalam kesempatan tersebut, Dekan Fakulti Pertanian dan Bioteknologi (FPB), Profesor Dr. Mat Zakaria memaklumkan maksud dan tujuan UniSZA dalam kunjungannya ke IPB. "UniSZA memiliki sebuah ladang yang berada di Terengganu. Kami berharap, IPB boleh membantu

menguruskan ladang tersebut untuk kemajuan akademik di UniSZA," ujarnya.

Berdasarkan keinginan UniSZA, IPB melalui Dekan Fakulti Teknologi Pertanian (Fateta), Dr. Sam Herodian mencadangkan agar pendekatan mekanisasi pertanian digunakan dalam menguruskan ladang tersebut. Selain itu turut hadir ke majlis tersebut ialah pihak pimpinan IPB yang sama-sama menyaksikan majlis menandatangani MoU iaitu Dr. Naresworo Nugroho, Profesor Dr. Ahmad Sulaeman, dan Drh. Agus Setiono.



Johan Keseluruhan Wanita dalam Kejujahan Wajadiri Nasional 2012



Pasukan pesilat wanita daripada Persatuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi (PSSCUH) UniSZA muncul Johan Keseluruhan Wanita peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) dalam Kejujahan Wajadiri Nasional 2012 peringkat kebangsaan yang diadakan pada 7 Julai 2012 di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor.

Kejujahan ini merupakan Kejujahan Wajadiri Nasional yang ke-15 dan dianjurkan oleh PSSCUH UPM dengan kerjasama Persatuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi Malaysia dan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia. Acara pembukaan telah dirasmikan oleh Datuk Hasnoor Sidang Hussein, Timbalan Pengerusi Kemajuan Pembangunan Tanah Adat Melaka mewakili Ketua Menteri Melaka merangkap Presiden Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA), YB Dato' Ali Rustam kerana tidak dapat hadir atas sebab-sebab tertentu.

Sebanyak 17 IPT awam dan swasta, 12 buah sekolah dan empat buah pusat latihan dari seluruh negara telah menyertai kejujahan ini. Antara IPT tersebut ialah Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Kolej Poly Tech Mara (Cawangan Kuala Lumpur), UPM, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Gombak, UIAM Kampus Petaling Jaya, UIAM Kampus Kuantan, Kolej Yayasan UEM, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Institut Profesional Baitulmal, Kolej UNIKOP, Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Manakala penyertaan di peringkat sekolah antaranya ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Tasek Permai, Sekolah Menengah Kebangsaan Taman KOSAS, Maktab Tentera Diraja, dan lain-lain.

Tujuh kategori telah dipertandingkan iaitu menangkis serangan pisau, menangkis serangan kaki, menangkis serangan tongkat, papan sekeping, umum, adegan praktikal dan juga kategori khas (buah jatuh). Pesilat wanita dan lelaki PSSCUH UniSZA telah menyertai kesemua kategori yang dipertandingkan. Pasukan UniSZA telah menggondol beberapa pingat emas & perak. Antaranya ialah:

- 1) Menangkis Serangan Pisau Wanita (Emas)
 - Nurul Nadia Abdul Rashid
 - Norhanisah Safari

- 2) Papan Sekeping Wanita (Emas)
 - Norhanisah Safari
 - Nur Syafawati Mohd Nawi
 - Nuradila Nazeri
 - Nur Fadhilah Asim
 - Siti Nor Atiqah Roslan
 - Siti Nor Dina Farahain Sikh Ghazali
- 3) Kategori Khas Wanita (Emas)
 - Aimi Amirah Ariffin
 - Noor Amalina Abu Bakar
 - Nur Fakhairah Mohammad Abas
 - Siti Auni Mat Saat
 - Nur Nurul Shifa' Samsuddin
 - Nuridayu Awang Noh
- 4) Menangkis Serangan Kaki Wanita (Perak)
 - Nurul Nadia Abdul Rashid
 - Nuramalina Mohd Isa
- 5) Johan Keseluruhan Wanita (Piala Pusingan)
 - Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

Penasihat Persatuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi UniSZA, Muhammad Hafiz Abdullah, merakamkan setinggi ucapan tahniah dan berbangga atas kejayaan pasukan pesilat UniSZA. Beliau yang terlibat secara langsung dalam melatih pesilat untuk persediaan kejujahan ini berkata, kejayaan ini merupakan rekod yang terbaik bagi PSSCUH UniSZA kerana kejujahan ini menguji kemahiran dan kebolehan para pesilat UniSZA dalam menempuh cabaran sebagai pesilat generasi baru. Malahan, ini juga merupakan rekod cemerlang kerana dapat mengekalkan kejayaan selepas kejayaan di Wajadiri Universiti Teknologi Petronas 2011 dan Kejujahan Cabaran Pandai Silat 2011.

Menurut beliau lagi, ekoran kejayaan ini, PSSCUH UniSZA akan menghantar lebih ramai pesilat untuk menyertai Kejujahan Wajadiri Nasional yang akan datang serta Kejujahan Cabaran Pandai Silat yang juga dianjurkan setiap tahun oleh PSSCUH Malaysia dalam usaha menaikkan nama UniSZA setanding dengan universiti-universiti lain.

Majlis Perasmian Penutup kejujahan ini telah disempurnakan oleh Prof. Madya Dr. Mohammad Shatar Sabran, Pengarah Pusat Inovasi dan Keusahawanan dan Pembangunan Pelajar UPM.





Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) telah mengadakan Program Minggu Mesra Siswa bersama FUHA bagi memasukkan Diploma Undang-Undang Semester I Sesi 2012 / 2013 pada 8-9 Jun 2012 bertempat di perkarangan Bangunan FUHA. Program tersebut melibatkan seramai 57 orang pelajar baru, pihak Pengurusan FUHA, staf akademik dan staf pentadbiran FUHA.

Program ini dibahagikan kepada dua sesi iaitu Sesi Taklimat Umum Fakulti dan Taklimat Khas Program yang diadakan pada 8 Jun 2012,

bermula pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Taklimat ini telah disampaikan oleh Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pelajar), Puan Kamaliah Salleh dan Penyelaras Program Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian, Puan Shariffah Nuridah Aishah Syed Nong Mohamad bagi pihak Penyelaras Program Diploma Undang-Undang, Puan Farhanin Abdullah Asuhaimi yang tidak dapat hadir. Program pada hari kedua pula melibatkan aktiviti luar iaitu *FUHA Race* yang bermula jam 9.00 pagi hingga 12.00

tengahari. Untuk menjayakan aktiviti ini, seramai 10 orang pelajar senior telah terlibat dalam menguruskan program berkenaan selaku fasilitator *FUHA Race*.

Dengan adanya program tersebut, ia dapat mengeratkan ukhuwah dan silaturrahim antara kakitangan FUHA dan pelajar-pelajar senior dengan pelajar-pelajar baru. Pihak FUHA merakamkan ucapan penghargaan kepada semua warga FUHA yang terlibat termasuk para pelajar senior yang turut menyumbang tenaga dan idea untuk menjayakan program ini.

Minggu Mesra Siswa FiT

Minggu Mesra Siswa Fakulti Informatik (FiT) & Mentor-mentee 2012/2013 telah diadakan pada 8 - 9 Jun 2012 di Dewan Kuliah Utama (DKU), yang bertujuan untuk menyambut kedatangan pelajar baru sesi diploma yang mendaftar sebagai ahli baru dalam keluarga FiT.



Antara aktiviti menarik yang telah dijalankan ialah sesi riadah bersama warga FiT, sesi Taaruf Mentor-Mentee dan pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan bagi menyelesaikan tugas yang diberikan. Secara keseluruhannya program ini berjalan dengan lancar dan disambut baik oleh pelajar baru untuk mendidik mereka agar lebih berdisiplin dan bermotivasi menempuh alam pengajian tinggi.





Pasukan Golf UniSZA Muncul Juara

Pasukan Kelab Golf UniSZA menguasai permainan dan muncul sebagai juara Kejohanan Golf antara IPTA Ke-40, 2012 kategori nett pada 16-17 Jun 2012. Tempat kedua pula diduduki oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan tempat ketiga, Universiti Utara Malaysia (UUM). Manakala juara keseluruhan dimenangi Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Kejohanan anjuran UUM itu dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu VVIP, jemputan, nett dan gross. Wakil UniSZA, Muzafar Mohd Din berjaya mendapat tempat kedua bagi kategori nett manakala Profesor Dr. Sudin Haron pula mendapat tempat ketiga kategori sama. Pasukan UniSZA berjaya membawa pulang piala pusingan dan hadiah iringan. Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Tunku Panglima Besar Kedah, YTM Dato' Seri DiRaja Dato' Seri Tunku Puteri Intan Safinaz Sultan Abdul Halim Muadzam Shah.



Pendidikan dan Orang Asli dalam Arus Perdana


ISBN : 978-983-9842-53-1

Tahun : 2012

Harga : RM40.00

Masyarakat Orang Asli merupakan salah satu kaum pribumi yang masih ketinggalan dalam arus pembangunan negara. Sebahagian besar mereka mengamalkan aktiviti ekonomi tradisional yang berkait rapat dengan persekitaran semula jadi. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan Malaysia untuk memajukan mereka. Antara lain, mengambil inisiatif untuk membangunkan pendidikan yang dianggap instrumen asas kepada keupayaan mereka untuk menyertai pembangunan dan masyarakat arus perdana.

Sehubungan dengan itu, buku ini membincangkan empat dimensi berkaitan pembangunan pendidikan masyarakat Orang Asli iaitu perancangan pembangunan pendidikan Orang Asli, program pembangunan pendidikan, masalah pengajaran-pembelajaran (cabaran, guru dan pedagogi), persepsi, harapan dan peluang Orang Asli berhubung pembangunan pendidikan, serta pencapaian dan potensi pencapaian. Kupasan berhubung keempat-empat dimensi berkenaan memberi satu gambaran dan petunjuk tentang keupayaan masyarakat Orang Asli dalam menyertai masyarakat arus perdana seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara.



disunting oleh
Ramle Abdullah
Mohamad Hafis Amat Simin
Azlina Abdullah
Zurina Mansor